# ULASAN OPERASI

## *REVIEW OF OPERATIONS*

BILANGAN MAJIKAN BERDAFTAR DENGAN KWSP PADA TAHUN 2008 PULA BERTAMBAH SEBANYAK 3.15 PERATUS KEPADA 441,820 MAJIKAN BERBANDING 428,319 MAJIKAN PADA TAHUN 2007.

*IN THE YEAR UNDER REVIEW, THE TOTAL NUMBER OF EMPLOYERS REGISTERED WITH THE EPF ROSE 3.15 PERCENT TO 441,820 EMPLOYERS IN COMPARISON TO 428,319 EMPLOYERS IN 2007.*

**AZLAN ZAINOL**
Ketua Pegawai Eksekutif
*Chief Executive Officer*



# ULASAN OPERASI
# REVIEW OF OPERATIONS

## PRESTASI EKONOMI 2008
## *ECONOMIC PERFORMANCE 2008*

### PRESTASI EKONOMI 2008

Pada setengah tahun pertama 2008, ekonomi di seluruh dunia bergelut dengan tekanan inflasi yang meruncing akibat lonjakan mendadak harga minyak, bahan makanan dan komoditi lain seiring dengan perkembangan ekonomi dunia. Pada setengah tahun kedua, peralihan yang amat ketara dapat dilihat dengan krisis ekonomi dunia yang makin meruncing diikuti dengan keruntuhan kredit yang telah membawa negara-negara maju serentak ke dalam kancah kemelesetan. Kejatuhan mendadak keadaan kewangan dan ekonomi global tersebut telah membawa kepada tindakan pembetulan segera terhadap harga komoditi, dan berserta dengan penurunan keadaan permintaan yang pantas, tekanan inflasi telah beransur kendur di seluruh dunia.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan kukuh pada kadar 7.1 peratus sepanjang setengah tahun pertama 2008, disokong oleh permintaan domestik dan luar negara yang memberangsangkan. Keteguhan permintaan domestik tersebut adalah hasil pengembangan menggalakkan dalam penggunaan swasta yang turut disokong oleh peningkatan pendapatan boleh belanja, suasana pasaran buruh yang positif dan persekitaran kewangan yang menguntungkan. Permintaan luar negara pula disokong oleh harga komoditi yang menggalakkan dan jumlah eksport yang kukuh walaupun terdapat penurunan permintaan eksport bagi produk-produk elektrikal dan elektronik. Walaupun kegawatan ekonomi global menjadi semakin teruk pada setengah tahun kedua 2008 dengan kemelesetan yang melanda beberapa negara maju, namun pertumbuhan KDNK sebenar negara masih kekal positif dengan kadar pengembangan yang memuaskan sebanyak 2.4 peratus, disokong oleh penggunaan awam yang teguh dan pengembangan yang berterusan dalam penggunaan sektor swasta.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, eksport Malaysia telah terjejas teruk akibat kemelesetan global yang berpunca di Amerika Syarikat (AS) apabila eksport mula menyusut pada bulan Oktober, Kejatuhan mendadak harga komoditi seperti minyak sawit dan minyak mentah pada tempoh ini turut menyebabkan pendapatan daripada eksport menurun. Menjelang akhir tahun 2008, jumlah pertumbuhan eksport telah jatuh disebabkan kelembapan permintaan bagi barangan yang dikilang (seperti produk-produk berasaskan elektronik) dan eksport produk komoditi yang lebih rendah. Dalam pada itu, keadaan ekonomi di negara-negara maju seperti Amerika

### *ECONOMIC PERFORMANCE IN 2008*

*During the first half of 2008, economies across the world were facing intense inflationary pressures amidst sharp increases in the prices of oil, food and other commodities as the global economy continue to grow. Major reversal was seen in the second half as the intensification of the global financial crisis and the ensuing credit crunch led the developed countries in a synchronised recession. The sharp deterioration in global financial and economic conditions precipitated a rapid correction in commodity prices. This together with rapidly contracting demand conditions, resulted in easing inflationary pressures worldwide during the later part of the year.*

*The Malaysian economy grew strongly by 7.1 percent in the first half of 2008 supported by robust domestic and external demand. Domestic demand was led by continued strong expansion in private consumption supported by a steady increase in disposable income, positive labour market conditions and a favourable financing environment. External demand was supported by favourable commodity prices and strong export volumes despite weakening demand in electronics and electrical products export. When the global downturn intensified in the second half of 2008 (as several major economies slipped into recession) real GDP expanded modestly by 2.4 percent. This was supported by strong public consumption and continued expansion in private consumption.*

*Malaysia's exports sector was badly hit by the US-led global recession, as exports started to shrink in October. The sharp slide in commodity prices such as palm oil and crude oil during the period also led to the reduction in export earnings. Towards the end of 2008, total exports growth slumped due to sluggish demand for manufactured goods (i.e. electronic-based products) and lower exports of commodity products. As a result, total export growth increased by 9.6 percent in 2008, much slower than the 27.4 percent growth registered in 2007.*

Syarikat, United Kingdom, negara-negara Kesatuan Eropah dan Jepun terus dilanda kemelesetan, manakala negara-negara membangun pula berhadapan dengan ancaman kelembapan ekonomi. Akibatnya, keseluruhan pertumbuhan eksport Malaysia meningkat hanya pada kadar 9.6 peratus pada tahun 2008, jauh lebih rendah berbanding pertumbuhan sebannyak 27.4 peratus yang dicatat pada tahun 2007.

Dengan kelumpuhan Lehman Brothers pada setengah tahun kedua 2008, krisis sub prima di AS telah sampai ke kemuncaknya di mana peristiwa tersebut merupakan titik tolak kepada keadaan ekonomi global. Keruntuhan tersebut telah merenjat sistem kewangan global di mana satu demi satu negara di dunia mula merasai kesan buruknya terhadap ekonomi sebenar. Dalam keadaan ekonomi global mula menghadapi tekanan kemerosotan yang hebat akibat krisis kewangan yang telah menjejaskan negara-negara maju, negara-negara membangun, termasuk Malaysia mula merasa tempiasnya dengan kadar pertumbuhan yang bertukar lembab. Ekonomi Malaysia tumbuh pada kadar yang lebih perlahan iaitu 4.6 peratus pada tahun 2008 berbanding 6.3 peratus pada tahun 2007 disebabkan oleh kelemahan eksport dan sektor perkilangan yang dipengaruhi oleh permintaan luar negara untuk barangan perkilangan yang semakin berkurangan.

Penggunaan domestik tumbuh pada kadar 9.1 peratus pada tahun 2008 berbanding 9.9 peratus pada tahun 2007 disebabkan oleh kesan berterusan daripada peningkatan mendadak harga bahanapi dan kenaikan harga bahan mentah yang telah mengurangkan pendapatan boleh belanja bersih dan melemahkan kuasa membeli. Peningkatan besar dalam harga minyak global telah memaksa Kerajaan menaikkan harga runcit minyak domestik sebanyak 40.6 peratus pada 5 Jun untuk mengurangkan bebanan subsidi bahanapi dan defisit fiskal yang kian bertambah. Kesinambungan daripada itu, berkuatkuasa mulai 1 Julai 2008, tarif elektrik turut dinaikkan sebanyak 18 peratus bagi kediaman dan 26 peratus bagi pengguna industri. Natijahnya, inflasi telah mencecah kadar tertinggi pernah dicatat iaitu 8.5 peratus pada bulan Julai dan Ogos 2008.

Keadaan menjadi semakin mencabar apabila pada setengah tahun kedua, harga komoditi mula kehilangan momentum menaiknya berikutan penguncupan permintaan global berserta dengan kedudukan berjaga-jaga yang diambil dalam pasaran komoditi. Hasilnya, kadar inflasi domestik bertukar sederhana kepada 4.4 peratus pada bulan Disember (mencatat 5.4 peratus bagi keseluruhan tahun 2008).

*The second half of 2008 saw the US sub-prime crisis hit its height with the collapse of Lehman Brothers. This proved to be a significant turning point for the global economy. The collapse jolted the global financial system and one country to another felt the adverse impact on the real economy. As a result, the emerging economies, (including Malaysia), began to experience some moderation in growth. Malaysia grew at a slower rate of 4.6 percent in 2008 against 6.3 percent in 2007 mainly due to weak exports and a weak manufacturing sector stemming from sluggish external demand for manufactured goods.*

*Consumption grew by 9.1 percent in 2008 from 9.9 percent in 2007 on the lingering effects from the sharp fuel price hike and rising raw materials prices, which slashed net disposable income and dampened purchasing power. The huge jump in global oil prices had forced the Government to hike domestic retail oil prices by 40.6 percent on 5 June to ease the burden on both fuel subsidies and widening fiscal deficit. Subsequently, electricity tariffs were raised by 18 percent for households and 26 percent for commercial and industry users effective 1 July 2008. As a result, the inflation rate touched a record high of 8.5 percent in the month of July and August 2008.*

*Things took a different turn during the second half of the year, whereby commodity prices began to lose its upward momentum following contraction in global demand combined with the unwinding of positions taken in the commodity markets. As a result, domestic inflation moderated to 4.4 percent in December (registering 5.4 percent for the whole year of 2008).*

# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### PRESTASI EKONOMI 2008
### *ECONOMIC PERFORMANCE 2008*

Pelbagai langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan perbelanjaan pengguna. Ini termasuk rebat tunai cukai jalan, insentif cukai pendapatan, pengurangan kadar caruman ahli KWSP secara sukarela (termasuk pengeluaran ansuran bulanan pinjaman perumahan yang telah diperkenalkan pada awal tahun 2008) membantu golongan berpendapatan rendah dan menurunkan harga minyak domestik sejajar dengan penurunan harga minyak mentah global.

Berhadapan dengan risiko kelembapan pertumbuhan yang lebih teruk dan berikutan pengurangan tekanan inflasi, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menurunkan kadar polisi semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25 peratus dalam mesyuarat terakhir Jawatankuasa Dasar Kewangan (MPC) 2008 yang diadakan pada 24 November 2008. Ini bagi menyokong pengembangan ekonomi domestik dan meredahkan tekanan kewangan daripada menyusup masuk ke dalam sistem kewangan Malaysia. Melalui Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PDIM), Kerajaan telah menyediakan jaminan penuh sehingga Disember 2010 bagi semua deposit dalam Ringgit dan matawang asing di semua institusi kewangan yang tertakluk di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

*Various measures were introduced by the Government to promote consumer spending. These included road tax cash rebates, tax incentives, voluntary reduction in the EPF's employees' contribution rate (in addition to the monthly withdrawals for mortgage payments introduced earlier in 2008) aids to help the lower income group and cut the domestic fuel prices in line with the drop in the global crude oil prices.*

*Faced with a greater downside risk to growth and easing inflationary pressure, Bank Negara Malaysia (BNM) lowered the overnight policy rate (OPR) by 25 basis points to 3.25 percent during its final 2008 Monetary Policy Committee (MPC) meeting on 24 November 2008 to support the domestic economy and mitigate financial stress from creeping into Malaysia's financial system. The Government, through Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PDIM), has also provided a full guarantee of all Ringgit and foreign currency deposits in all financial institutions regulated by BNM until December 2010.*



Permintaan domestik, walau bagaimanapun, masih mampu menyediakan momentum yang diperlukan untuk menyokong pertumbuhan keseluruhan. Permintaan domestik tumbuh pada kadar 6.9 peratus pada tahun 2008, menurun berbanding catatan pertumbuhan sebanyak 8.3 peratus pada tahun sebelumnya. Antara komponen-komponen utama permintaan domestik, pelaburan menyeluruh mencatat kadar yang lebih rendah sebanyak 1.1 peratus daripada 9.6 peratus pada tahun 2007. Peningkatan kos input pertengahan pada setengah tahun pertama dan ketidaktentuan ekonomi pada setengah tahun kedua 2008 telah melemahkan keuntungan korporat dan aktiviti pelaburan pada tahun tersebut. Kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan mengumumkan tambahan peruntukan sebanyak RM30 bilion bagi perbelanjaan pembangunan untuk menampung peningkatan kos projek disebabkan oleh kenaikan mendadak harga bahan mentah.

Walau bagaimanapun, pelaburan sektor swasta masih mengalami kejatuhan ketara daripada 9.8 peratus pada tahun 2007 kepada 1.5 peratus pada tahun 2008. Walaupun prestasi kukuh dicatat pada awal tahun 2008, namun aktiviti pengembangan modal menjadi semakin lembab menjelang akhir tahun akibat penundaan dan pembatalan keputusan pelaburan oleh perniagaan berikutan kemelesetan teruk ekonomi global. Permintaan luar negara yang lebih rendah, terutamanya pada suku keempat tahun 2008, telah meninggikan kadar pengurangan jumlah pekerja oleh sektor perkilangan.

*Despite this, domestic demand still provided some of the momentum needed to support overall growth. Domestic demand grew by 6.9 percent in 2008, moderating from 8.3 percent growth the year before. Among the major components of domestic demand, total investment moderated to 1.1 percent from 9.6 percent in 2007. Rising intermediate input costs during the first half of 2008 and economic uncertainties in the second half, dampened corporate profits and investment activities during the year. An additional RM30 billion was also allocated for development expenditure, announced during the Ninth Malaysia Plan mid-term review to cater for the increase in project costs due to the rapid rise in raw material prices.*

*Private investment however, dropped significantly from 9.8 percent in 2007 to 1.5 percent in 2008. Despite a strong performance in the early part of 2008, capital expansion activities slowed towards the year-end as businesses deferred or cancelled investment decisions following the sharp global economic downturn. Lower external demand, especially in the fourth quarter of 2008, translated into more worker retrenchments in the manufacturing sector.*



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### PRESTASI EKONOMI 2008
### *ECONOMIC PERFORMANCE 2008*

Semua sektor mencatat pertumbuhan yang lebih rendah pada tahun 2008, kecuali sektor pertanian. Sektor perkhidmatan yang merupakan komponen terbesar KDNK, mencatat pertumbuhan yang lebih rendah iaitu sebanyak 7.3 peratus pada tahun 2008 berbanding 9.7 peratus pada tahun 2007, prestasi tersebut adalah sejajar dengan kelembapan perbelanjaan pengguna.

Sektor perkilangan mencatat penurunan ketara sebanyak 1.3 peratus pada tahun 2008 (3.1 peratus pada tahun 2007), akibat suasana permintaan global yang terus lemah, khususnya bagi produk elektrik dan elektronik. Walau bagaimanapun, pertumbuhan kukuh dalam industri berasaskan domestik telah memberi sedikit dorongan kepada pertumbuhan keseluruhan sektor perkilangan. Pertumbuhan dalam sektor pembinaan turut merosot kepada 2.1 peratus pada tahun 2008 (4.6 peratus pada tahun 2007) akibat kesan kenaikan kos bahan untuk aktiviti pembinaan. Keadaan tersebut memaksa Kerajaan mengambil keputusan untuk menunda beberapa projek besar yang menelan kos tinggi. Sektor pertanian, walau bagaimanapun, telah mencatat peningkatan pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus berbanding 2.2 peratus pada tahun 2007. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga komoditi yang tinggi (khususnya harga minyak sawit dan minyak mentah) pada setengah tahun pertama 2008.

*All sectors recorded slower growth in 2008 except for the agriculture sector. The services sector, which is the biggest component of GDP, moderated to 7.3 percent in 2008 from 9.7 percent in 2007, in tandem with a slowdown in consumer spending.*

*The manufacturing sector moderated significantly by 1.3 percent in 2008 (3.1 percent in 2007), on the back of continued weak global demand, especially for electrical and electronic products. However, firm growth in domestic-oriented industries provided a buffer to the overall growth of the manufacturing sector. The growth in the construction sector also eased to 2.1 percent in 2008 (4.6 percent in 2007), reflecting the impact of rising material costs on construction activities. This was in line with the Government's decision to delay some large and costly projects. However, the agriculture sector recorded higher growth of 3.8 percent as compared with 2.2 percent in 2007, mainly due to high commodity prices (especially palm oil and crude oil prices) during the first half of 2008.*






## MASA DEPAN
## *PROSPECTS*

### SUASANA 2009

Ekonomi global kini berhadapan dengan kemelesetan global menyeluruh yang didahului oleh negara-negara maju dan semakin menular ke pasaran ekonomi baru. Disebabkan oleh ketidakpastian terhadap kesan krisis kewangan global ke atas ekonomi sebenar, Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) telah beberapa kali menyemak semula unjurannya bagi pertumbuhan dunia untuk tahun 2009; daripada pertumbuhan sebanyak 3.0 peratus (pada Oktober 2008) kepada pertumbuhan antara -0.1 peratus dan -0.5 peratus (pada bulan Mac 2009). Organisasi multilateral lain seperti Organisasi bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), juga telah mengkaji semula unjuran pertumbuhan dunia mereka kepada angka yang lebih rendah dan kini kadar tersebut kekal pada -2.7 peratus. Berikutan kejatuhan mendadak ekonomi global seperti yang telah dijangka, negara-negara maju utama telah mengambil langkah untuk meminimumkan kesan krisis tersebut melalui pengenalan pakej-pakej rangsangan yang besar, memotong kadar faedah secara agresif, melaksanakan dasar kewangan bukan konvensional menerusi pengurangan kuantitatif dan meningkatkan pengganda nilai wang untuk mendorong aktiviti ekonomi.

Kemelesetan di negara-negara maju telah menyebabkan eksport dari ekonomi terbuka seperti China, Singapura, Taiwan dan Malaysia terjejas teruk. Kelemahan dalam sektor perkilangan tempatan berikutan keadaan eksport yang semakin membimbangkan dijangka akan merebak ke dalam ekonomi domestik, justeru, mengurangkan pelaburan dan penggunaan swasta. Harga komoditi yang rendah akan turut menjejaskan pendapatan isi rumah di luar bandar. Walaupun Kerajaan Malaysia menjangka ekonomi akan tumbuh pada kadar -1

### *OUTLOOK FOR 2009*

*Due to the uncertainties over the impact of the global financial crisis on the real economy, the International Monetary Fund (IMF) had to revise its global growth projection for 2009 a few times from a growth of 3.0 percent (in October 2008) to between -1.0 percent and -0.5 percent (in March 2009). Other multilateral organisations, such as the Organisation for Economic Co-Operation and Development (OECD), have also revised their world growth projection downwards and this now stands at -2.7 percent. Following the expected sharp deterioration in the global economy, major developed countries have made efforts to minimise the impact of economic slowdown by introducing sizeable stimulus packages, aggressively cutting interest rates and embark on unconventional monetary policy via quantitative easing, increasing the money multiplier to boost economic activities.*

*Recession in the developed economies are causing exports from open economies such as China, Singapore, Taiwan and also Malaysia to suffer badly. The weakness in the manufacturing sector following deteriorating exports is expected to spread into the domestic economy, dampening private investment and consumption. Lower commodity prices will also affect rural households. The Government is expecting the economy to grow by -1 percent to 1 percent in 2009. However, significant uncertainties to the official outlook remains. This include the failure to restore stability in severely affected economies*



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### MASA DEPAN
### *PROSPECTS*

peratus hingga 1 peratus pada tahun 2009, namun masih terdapat ketidakpastian yang ketara terhadap suasana sebenar ekonomi yang akan berlaku pada tahun ini. Pelbagai cabaran dijangka bakal melanda. Jika kerajaan di negara-negara yang terjejas teruk gagal untuk memulihkan kestabilan melalui pelbagai langkah pemulihan yang telah dirancang dan jika keyakinan dan kepercayaan terhadap sektor kewangan dan perbankan global tidak dikembalikan, perkara-perkara berikut mungkin akan berlaku: pusingan kedua krisis kewangan global; kelembapan pasaran eksport Malaysia mungkin akan berlanjutan; dan rentetan yang dijangka dalam bentuk pengurangan jumlah pekerja akan membawa kesan buruk kepada perbelanjaan pengguna.

Malaysia dijangka akan bergantung terutamanya kepada pelaburan awam dan penggunaan sektor swasta pada tahun 2009 untuk mengekalkan momentum pertumbuhan. Sejak Oktober 2008, BNM telah mengurangkan OPR sebanyak 150 mata asas kepada 2.0 peratus dan menurunkan nisbah keperluan Rizab Berkanun kepada 1 peratus. Usaha seterusnya difokuskan kepada memudahkan pembiayaan.

Langkah rangsangan fiskal telah diperkenalkan untuk menyokong dasar pengembangan kewangan. Satu pakej rangsangan kedua berjumlah RM60 bilion telah diumumkan pada 10 Mac 2009 tambahan kepada pakej rangsangan pertama sebanyak RM7 bilion yang diumumkan pada 4 November 2008 untuk menggalakkan permintaan domestik, mengurangkan kelembapan ekonomi Malaysia, dan menyediakannya untuk pemulihan menjelang 2010. Langkah tersebut turut meliputi pembentukan Institusi Jaminan Kewangan (FGI) untuk menyediakan kredit tambahan supaya syarikat-syarikat boleh mendapatkan dana dalam pasaran bon tempatan; serta pewujudan skim jaminan kerajaan seperti Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri bagi membantu perniagaan kecil dan sederhana. Langkah-langkah ini adalah amat penting untuk memastikan akses mudah kepada pembiayaan, kerana jumlah pelaburan asing di Malaysia pada tahun 2009 dijangka akan berkurangan sebanyak 50 peratus kepada RM26.1 bilion daripada RM51.0 bilion pada tahun 2008. Kerajaan mempunyai peranan penting untuk dimainkan dalam memastikan kelancaran pengagihan dana dan pelaksanaan projek-projek di bawah pakej rangsangan untuk mendorong permintaan domestik. Sebarang risiko dijangka akan dapat dikurangkan melalui pelbagai langkah yang telah dirancang di bawah pakej rangsangan tersebut dan menerusi pengawasan secara dekat oleh Kerajaan. Merujuk kepada petunjuk ekonomi terkini, diharapkan pengukuhan dalam aktiviti ekonomi akan mula berlaku pada separuh kedua tahun 2009 dan kembali pulih menjelang awal tahun 2010.

*through various planned recovery measures, confidence and trust in the global financial and banking sector not reinstated which could lead to second round of global financial distress; a possible prolonged slowdown in Malaysia's export markets; and an expected increase in retrenchment which in turn will have adverse effect on consumer spending.*

*Malaysia is expected to rely heavily on public investment and private consumption in 2009 to keep the growth momentum alive, accompanied by accomodative monetary policy. Since October 2008, BNM has cut the OPR by 150 basis points to 2 percent and also lowered the Statutory Reserve Requirement (SRR) to 1 percent. The effort was later focused to ensure easy access to financing.*

*Fiscal stimulus was also introduced to complement expansionary monetary policy. The second stimulus package worth RM60 billion was unveiled on 10 March 2009 in addition to the first stimulus of RM7 billion announced earlier on 4 November 2008 to boost domestic demand and cushion the economy from severe slowdown, ready for a recovery by 2010. Included are the establishment of the Financial Guarantee Institution (FGI) to provide credit enhancement for companies to secure funds in the domestic bond market; and measures to assist SMEs through government-led guarantee schemes such as the Working Capital Guarantee Scheme and Industry Restructuring Loan Guarantee Scheme based on 80:20 ratio. These measures are crucial so as to ensure easy access to financing, as total foreign direct investment (FDI) in Malaysia in 2009 is expected to halved to RM26.1 billion from RM51.0 billion in 2008. The Government's role is crucial to ensure smooth disbursement of funds and implementation of projects under the stimulus packages to boost domestic demand. These risks however are expected to be mitigated with various measures planned under the stimulus packages and close monitoring by the Government to minimise the impact. Looking from the latest released of economic indicators and pre-condition a swift stabilisation in global financial system, normalisation in economic activities may be seen in the second stabilisation half of 2009 and recovery, by early 2010.*

# **PRESTASI PELABURAN**
# *INVESTMENT PERFORMANCE*

**AKTIVITI PELABURAN PADA TAHUN 2008**

Jumlah dana pelaburan KWSP meningkat sebanyak 9.26 peratus atau RM29.00 bilion kepada kira-kira RM342.01 bilion pada tahun 2008 berbanding RM313.01 bilion pada tahun sebelumnya. Pertambahan ini adalah disebabkan terutamanya oleh caruman bersih yang positif daripada ahli dan majikan serta pendapatan pelaburan yang telah mempertingkatkan lagi saiz portfolio pelaburan KWSP dengan ketara.

Daripada jumlah portfolio pelaburan tahun 2008 ini, KWSP telah melabur sebanyak 40.13 peratus dalam Pinjaman dan Bon, 28.12 peratus dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), 25.71 peratus dalam Ekuiti, 5.56 peratus dalam Instrumen Pasaran Wang dan 0.47 peratus dalam Harta Tanah. Pegangan Ekuiti menunjukkan kenaikan ketara kerana para pengurus mengambil peluang untuk mengumpul lebih banyak saham pada harga yang rendah dalam persekitaran pasaran ekuiti global yang amat mencabar. Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) mengalami penjualan ketara ekoran situasi kadar faedah yang dijangka menurun dan KWSP mengambil langkah menyusun semula pegangan selaras dengan Alokasi Aset Strategik (AAS) 2008.

***INVESTMENT ACTIVITIES IN 2008***

*2008 saw the EPF's total investment funds increasing by 9.26 percent or RM29.00 billion to approximately RM342.01 billion from RM313.01 billion the previous year. This increase was primarily due to positive net contributions from members and employers as well as investment income which boosted the size of EPF'S investment portfolio significantly.*

*Of 2008's total investment portfolio, the EPF invested 40.13 percent in Loans and Bonds, 28.12 percent in Malaysian Government Securities, 25.71 percent in Equities, 5.56 percent in Money Market Instruments and 0.47 percent in Properties. There was a significant hike in Equity holdings as managers took the opportunity to accumulate more shares when prices were low amidst sorely challenged global equity markets. There was a significant sell-off of Malaysian Government Securities (MGS) holdings amidst low interest rate expectations and as we aligned our holdings in line with 2008's Strategic Asset Allocation (SAA).*

**Aktiviti Pelaburan**
***Investment Activities***






# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## PRESTASI PELABURAN
## *INVESTMENT PERFORMANCE*

### SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA (SKM)

Pelaburan dalam portfolio SKM masih merupakan pelaburan utama dalam tahun 2008. Walau bagaimanapun jumlah pelaburan telah menurun sebanyak RM7.17 bilion atau 6.94 peratus kepada RM96.16 bilion berbanding pelaburan dalam tahun 2007 iaitu sebanyak RM103.33 bilion. Pelaburan dalam SKM merupakan 28.12 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan KWSP dalam tahun 2008. Jumlah terbitan SKM di pasaran dalam tahun 2008 ialah sebanyak RM43.5 bilion.

### PINJAMAN DAN BON

Pada tahun 2008, pelaburan dalam portfolio pinjaman meningkat sebanyak RM14.88 bilion kepada RM137.25 bilion berbanding RM122.38 bilion pada tahun 2007. Pelaburan di bawah portfolio pinjaman adalah dalam bentuk pinjaman secara terus atau sekuriti hutang persendirian. Pada tahun ini, sekuriti hutang persendirian baru yang diterbitkan di pasaran adalah sebanyak RM43.89 bilion dan penyertaan KWSP adalah sebanyak RM4.33 bilion atau 9.87 peratus. Secara keseluruhannya, sebanyak 63.62 peratus telah dilaburkan dalam bentuk pinjaman dan 36.38 peratus dalam bentuk sekuriti hutang persendirian. Berdasarkan kepada dua aset kelas tersebut, sebanyak 67.24 peratus dilaburkan di dalam sektor Kerajaan dan 32.76 peratus di dalam sektor korporat. Selain daripada itu, KWSP telah meningkatkan langganan bon-bon Islam iaitu daripada RM27.77 bilion pada 2007 kepada RM31.49 bilion dalam tahun 2008. Pada tahun 2008, KWSP telah menyertai aktiviti pelaburan yang menjana pendapatan

### *MALAYSIAN GOVERNMENT SECURITIES (MGS)*

*In tandem with the EPF's prudent investment policy and to ensure members' savings are well protected over the long-term, EPF continued to invest in Malaysian Government Securities (MGS) in 2008. The total investment in MGS stood at RM103.33, a 6.94 percent or RM7.17 billion drop over the RM96.16 billion investment made in 2007. In compliance with the Strategic Assets Allocation position that calls for investments in MGS to be maintained at around 29 percent of the EPF's total assets, we reduced our MGS investments in 2008 to 28.12 percent of our total investments (in comparison to 33.01 percent the year before). In 2008, the total supply of government securities issued in the market amounted to RM43.5 billion in comparison to RM52.50 billion the year before.*

### *LOANS AND BONDS*

*In 2008, investment under the loan portfolio has increased by RM11.12 billion to RM108.57 billion from RM97.45 billion in 2007. The loan portfolio can either be in the form of direct loan or in private debt securities ("PDS"). For 2008, new issuance of PDS was equivalent to RM43.89 billion and EPF participation was RM4.33 billion or 9.87 percent. As at end of 2008, 63.62 percent of the overall loan portfolio was in direct loan whilst the remaining 36.38 percent was in PDS. Within this asset class, 67.24 percent was invested in the Government sector whilst 32.76 percent was invested in the corporate sector. Additionally, EPF has also increased its*

**Sekuriti Kerajaan Malaysia**
***Malaysian Government Securities***



yang berteraskan yuran. Pendapatan dalam bentuk yuran telah menyumbang sebanyak RM68.78 juta kepada pendapatan Portfolio Pinjaman yang berjumlah RM5.59 bilion.

## EKUITI

Berdasarkan keadaan sentimen pasaran yang lembab, KWSP telah mengambil langkah-langkah wajar untuk mengumpulkan saham berpotensi tinggi yang mempunyai asas-asas yang kukuh serta prestasi kewangan yang baik. Setakat September 2008, pelaburan dalam ekuiti domestik menunjukkan prestasi yang memberangsangkan namun kemelesetan ekuiti global yang dialami pada suku keempat 2008; telah menyebabkan prestasi ekuiti domestik menjunam sebanyak 20 peratus pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, pelaburan KWSP dalam ekuiti domestik menunjukkan prestasi yang lebih baik dibandingkan dengan penurunan sebanyak 39 peratus Indeks Komposit (KLCI) 2008. Meskipun penurunan ketara pasaran ekuiti, namun KWSP telah berjaya mencapai keuntungan ekuiti yang berjumlah RM6.67 bilion pada tahun 2008 berbanding RM5.37 bilion bagi tahun 2007.

## INSTRUMEN PASARAN WANG

Pada tahun 2008, jumlah pelaburan dalam Instrumen Pasaran Wang ialah RM19.03 bilion iaitu penurunan sebanyak 1.19 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya RM19.26 bilion. Penurunan ini adalah disebabkan oleh suntikan dana kepada kelas aset yang lain. Pelaburan dalam Instrumen Pasaran Wang merupakan 5.56 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan KWSP pada tahun 2008.

*investment in Islamic bonds from RM27.77 billion in 2007 to RM31.49 billion in 2008. During the year, we also participated in investment activities which generated fee-based income that contributed RM68.78 million of the total loan portfolio income of RM5.59 billion.*

## *EQUITY*

*Given the weak market sentiment, the EPF took the opportunity to accumulate high dividend yielding stocks with good fundamentals and healthy balance sheet. Up until September 2008, domestic equity investments turned in a good performance but with the global equity meltdown in the fourth quarter of 2008, equity performance fell by 20 percent for the year. However, EPF's domestic equity performed better in comparison to 39 percent drop on the KLCI in 2008. Despite the sharp fall in the equity market, the EPF managed to achieve the highest ever equity income of RM6.67 billion in 2008 compared to RM5.37 billion in 2007.*

## *MONEY MARKET INSTRUMENTS*

*In 2008, a total of RM19.03 billion was invested in Money Market Instruments a drop of 1.19 percent over the previous year of RM19.26 billion. The decrease was attributed to allocation to other classes of assets. Investments in Money Market Instruments formed 5.56 percent of the EPF's overall investments in 2008.*

**Ekuiti**
***Equity***




**Pinjaman dan Bon**
***Loans and Bonds***




**Instrumen Pasaran Wang**
***Money Market Instruments***



# ULASAN OPERASI
# REVIEW OF OPERATIONS

## PRESTASI PELABURAN
## *INVESTMENT PERFORMANCE*

### HARTA TANAH

Pelaburan Harta Tanah KWSP adalah terdiri daripada pelaburan dalam kompleks perniagaan dan pembelian penyewaan melalui pembelian bangunan yang memberikan pulangan yang lebih tinggi. Bagi tahun 2008, pelaburan harta tanah adalah sebanyak RM1.62 bilion. Tiada perolehan pelaburan baru yang dibuat sepanjang tahun tersebut.

### PELABURAN LUAR NEGARA

KWSP meneruskan langkah melabur ke luar negara terutamanya dalam ekuiti dan menjelang akhir 2008, sejumlah AS4.64 bilion telah dilabur berbanding ASD1.76 bilion pada tahun 2007. Sejumlah ASD2.11 bilion telah dilabur melalui pengurus dana asing dan ASD2.53 bilion dilabur melalui pengurus dana dalam negeri. Dalam suasana pasaran ekuiti global yang lembab, pelaburan antarabangsa masih mampu menghasilkan pendapatan pelaburan sebanyak RM266.25 juta walaupun berkurangan sebanyak 25.3 peratus berbanding RM348.00 juta yang dicapai pada tahun 2007.

### *PROPERTIES*

*The EPF's property investment are mainly on business complexes and purchase of tenancies by acquiring buildings that offer favourable yields. EPF's property investment stood at RM1.62 billion in year 2008. No new purchases were made over the course of the year.*

### *INTERNATIONAL INVESTMENTS*

*The EPF continued to invest abroad particularly in equities and by the end of 2008, a total of USD4.64 billion had been invested in comparison to USD1.76 billion in 2007. A total of USD2.11 billion was invested through external fund managers and USD2.53 billion was invested through internal fund managers. Amidst flagging global equity markets, our international investments turned in an investment income of RM266.25 million albeit 25.3 percent lower than the RM348.00 million registered in 2007.*

**Harta Tanah**
***Property***



## PENDAPATAN PELABURAN

Pada tahun 2008, KWSP menjana pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM19.16 bilion, bertambah sebanyak 11.20 peratus berbanding RM17.23 bilion setahun sebelumnya. Sebahagian besar daripada pendapatan tersebut (65.18 peratus) masih diperoleh daripada Instrumen Pendapatan Tetap di mana 25.77 peratus adalah daripada SKM; 35.39 peratus daripada Pinjaman dan Bon; 3.58 peratus daripada Instrumen Pasaran Wang dan 0.44 peratus selebihnya daripada Harta Tanah dan Pelaburan Lain. Pendapatan daripada Ekuiti menghasilkan 34.82 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan kami pada tahun 2008.

Pendapatan pelaburan yang dijana daripada pegangan SKM meningkat sebanyak 1.2 peratus atau RM4.88 bilion kepada RM4.94 bilion pada tahun 2008. Regim kadar faedah yang berterusan menurun memberi kesan kepada pendapatan daripada Instrumen Pasaran Wang yang menghasilkan pulangan sebanyak RM686.57 juta, berkurangan sebanyak 31.19 peratus berbanding RM997.80 juta pada tahun 2007.

Walau bagaimanapun, pendapatan daripada Ekuiti meningkat sebanyak 24.21 peratus kepada RM6.67 bilion berbanding RM5.37 bilion setahun sebelumnya. Pendapatan pelaburan daripada Pinjaman dan Bon pula menunjukkan pertambahan sebanyak 14.71 peratus kepada RM6.78 bilion berbanding RM5.91 bilion pada tahun 2007. Pendapatan daripada Harta Tanah dan Pelaburan Lain menghasilkan pulangan sebanyak RM84.29 juta, pertambahan sebanyak 9.47 peratus berbanding RM77.00 juta pada tahun 2007.

## *INVESTMENT INCOME*

*In 2008, the EPF generated a gross investment income of RM19.16 billion, an increase of 11.20 percent compared to RM17.23 billion the year before. The main portion of our income (65.18 percent) continued to be derived from Fixed Income Instruments of which 25.77 percent was derived from MGS; 35.39 percent from Loans and Bonds; 3.58 percent from Money Market Instruments; and the remaining 0.44 percent from Property and Other Investments. Income from Equities yielded 34.82 percent of our total investment income in 2008.*

*Investment income generated from MGS holdings increased by 1.2 percent or RM4.88 billion to RM4.94 billion in 2008. The continued low interest rate regime impacted income from Money Market Instruments which yielded returns of RM686.57 million, 31.19 percent less than the RM997.80 million in 2007.*

*Income from Equities, however, increased by 24.21 percent to RM6.67 billion against RM5.37 billion the year before. Investment income from Loans and Bonds showed an increase of 14.71 percent to RM6.78 billion from RM5.91 billion in 2007. Income from Property and Other Investments turned in a total yield of RM84.29 million, an increase of 9.47 percent against RM77.00 million in 2007.*

**Pendapatan Pelaburan**
***Investment Income***






# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### PENUNJUK UTAMA
### *KEY INDICATORS*

Walaupun berhadapan dengan persekitaran ekonomi global yang mencabar pada tahun 2008, secara keseluruhannya Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masih mampu mencatatkan prestasi yang memberangsangkan. Fokus kami untuk mengekalkan momentum kejayaan inisiatif transformasi yang digerakkan pada tahun 2007 telah membolehkan kami memenuhi sasaran penunjuk utama kami, juga pada masa yang sama, menggerakkan kami lebih hampir ke arah merealisasi visi menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia. Oleh itu, saya dengan sukacitanya membentangkan ulasan menyeluruh operasi organisasi kami sepanjang tahun 2008 ini.

**AHLI**

Pada tahun 2008, jumlah bilangan ahli aktif (ahli yang masih mencarum) meningkat sebanyak 5.74 peratus kepada 5.71 juta berbanding 5.40 juta ahli pada tahun 2007. Bilangan keahlian KWSP meningkat kepada 12.07 juta ahli pada 31 Disember 2008 berbanding 11.69 juta ahli pada akhir tahun 2007.

**MAJIKAN**

Bilangan majikan berdaftar dengan KWSP pada tahun 2008 pula bertambah sebanyak 3.15 peratus kepada 441,820 majikan berbanding dengan 428,319 majikan pada tahun 2007. Daripada jumlah tersebut, 48,510 merupakan majikan yang baharu mendaftar dengan KWSP berbanding 58,759 majikan pada tahun 2007. Sebanyak 35,009 majikan telah dibatalkan pendaftaran mereka pada tahun 2008 (berbanding 36,190 majikan pada tahun 2007).

*Despite 2008's challenging global economic environment, the Employees Provident Fund (EPF) turned in a healthy performance on all fronts. Our focus on maintaining the successful momentum of 2007's transformation initiatives enabled us to meet our key performance targets while propelling us closer towards realising our vision of becoming a world-class social security organisation. I am pleased to provide an overview of the operational aspects of our organisation throughout the year 2008.*

***MEMBERS***

*In 2008, the total number of active members (members who continue to contribute) increased by 5.74 percent to 5.71 million against 5.40 million members in 2007. As at 31 December 2008, EPF's total membership had increased to 12.07 million members from 11.69 million members at the end of 2007.*

***EMPLOYERS***

*In the year under review, the total number of employers registered with the EPF rose 3.15 percent to 441,820 employers compared to 428,319 employers in 2007. A total of 48,510 new employers registered with the EPF against 58,759 new employers in 2007. While 35,009 employers in 2008 had registered (in comparison to 36,190 employers in 2007).*

**Bilangan Ahli Aktif**
***Numbers of Active Members***






**KADAR CARUMAN**

Memandangkan keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan, mulai Januari 2009, kadar caruman berkanun syer pekerja telah dikurangkan daripada 11 peratus kepada 8 peratus bagi membolehkan pekerja mendapat lebih banyak pendapatan boleh guna. Walau bagaimanapun, majikan akan terus mencarum pada kadar berkanun 12 peratus.

Kadar caruman statutori mandatori baharu ini akan berkuatkuasa bagi tempoh dua tahun mulai gaji bulan Januari hingga gaji bulan Disember 2010. Walau bagaimanapun, ahli yang masih ingin mengekalkan caruman mereka pada kadar 11 peratus dibenarkan membuat pilihan tersebut. Keputusan untuk mengurangkan caruman statutori ahli pernah dilakukan sebanyak dua kali sebelum ini iaitu pada tahun 2001 dan 2003, sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi.

Setakat Mac 2009, sebanyak 2.8 juta ahli (50 peratus daripada ahli aktif) telah memilih untuk mengekalkan caruman pada kadar 11 peratus.

**CARUMAN TAHUNAN**

Pada tahun 2008, caruman yang dikutip berjumlah RM34.54 bilion dan sudah dikreditkan ke dalam akaun ahli. Jumlah kutipan ini menggambarkan kenaikan sebanyak 19.39 peratus berbanding RM28.93 bilion pada tahun 2007. Pada 31 Disember 2008, jumlah simpanan ahli adalah sebanyak RM344.64 bilion, bertambah sebanyak 8.89 peratus berbanding jumlah caruman sebanyak RM316.50 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

***CONTRIBUTION RATE***

*In view of the economic slow down, effective January 2009, members' share of contribution rate have been reduced from 11 percent to 8 percent to enable to have more disposable income in members' hands amidst a slowing economy. However the employer's contribution rate remains at 12 percent.*

*The new statutory contribution rate will take effect for a period of two years beginning January 2009 until December 2010. Members who still wish to maintain the contribution rate at 11 percent have the option of doing so. The decision to reduce members' statutory contribution rate was taken twice before in 2001 and 2003 as part of an economic stimulus package.*

*As at March 2009, about 2.8 million members (50 percent of active members) opted to maintain their contribution rate at 11 percent.*

***ANNUAL CONTRIBUTIONS***

*In 2008, total contribution amounting to RM34.54 billion was collected and credited into members' accounts. This represented an increase of 19.39 percent compared to the RM28.93 billion collected in 2007. As at 31 December 2008, total members' balance stood at RM344.64 billion, an increase of 8.89 percent compared to RM316.50 billion in total contributions in the preceding year.*

**Bilangan Majikan**
***Numbers of Employers***




**Kadar Caruman**
***Contribution Rates***

| Majikan *Employer* % | Pekerja *Employee* % | Jumlah *Total* % |
|---|---|---|
| 11 | 12 | 23 |

**Caruman Tahunan**
***Annual Contribution***



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### PENUNJUK UTAMA
### *KEY INDICATORS*

**DASAR PEMBAYARAN DIVIDEN**

Dasar pembayaran dividen KWSP dilaksanakan selaras dengan Seksyen 27 dalam Akta KWSP 1991 yang menetapkan supaya KWSP dengan kelulusan Menteri Kewangan, akan mengisytihar pembayaran kadar dividen pada kadar minimum sebanyak 2.50 peratus pada simpanan ahli pada akhir setiap tahun kewangan.

**AKAUN AHLI**

Setiap ahli KWSP mempunyai dua akaun dengan KWSP iaitu Akaun 1 dan Akaun 2. Sebanyak 70 peratus daripada jumlah caruman ahli dikreditkan ke dalam Akaun 1, manakala 30 peratus dikreditkan ke dalam Akaun 2. Simpanan dalam Akaun 1 adalah untuk tujuan persaraan dan hanya boleh dikeluarkan apabila seseorang ahli mencapai usia 55 tahun. Sebelum mencapai usia 55 tahun, ahli boleh menggunakan sebahagian daripada simpanan mereka dalam Akaun 1 untuk melabur dalam pelaburan yang diluluskan. Simpanan dalam Akaun 2 pula boleh dikeluarkan bagi tujuan keperluan pembiayaan perumahan, pendidikan, kesihatan dan apabila seseorang ahli itu mencapai usia 50 tahun.

***DIVIDEND PAYMENT POLICY***

*The EPF's dividend payment policy is in accordance Section 27 of EPF Act 1991 which requires the EPF with the approval of the Minister of Finance to declare a minimum of 2.50 percent dividend rate on members' savings on or upon the end of every financial year.*

***MEMBERS' ACCOUNTS***

*An EPF member maintains two accounts with the EPF, namely Account 1 and Account 2. Exactly 70 percent of the total contributions is credited into Account 1 and 30 percent into Account 2. The savings in Account 1 is for retirement purposes and can only be withdrawn when a member reaches age 55 years. Before reaching 55 years of age, members can use part of their savings in Account I to invest in approved investments. The savings in Account 2 can be withdrawn for the purposes of funding housing, education and health needs as well as when a member reaches 50 years of age.*



## PENGELUARAN

Pada tahun 2008, sejumlah 1,413,220 permohonan pengeluaran telah diluluskan, meningkat sebanyak 85.23 peratus berbanding 762,946 pengeluaran pada tahun 2007. Sementara itu, jumlah simpanan yang dikeluarkan pada tahun ini meningkat sebanyak 1.57 peratus kepada RM18.16 bilion berbanding RM17.88 bilion setahun sebelumnya.

Pertambahan jumlah pengeluaran simpanan pada tahun ini adalah disebabkan oleh pertambahan pengeluaran bayaran ansuran bulanan pinjaman perumahan, pengeluaran kesihatan dan pendidikan. Pada tahun 2008 juga sejumlah besar ahli dengan jumlah simpanan melebihi RM1 juta telah membuat pengeluaran simpanan mereka ekoran pelancaran pengeluaran ini pada bulan November 2007.

## PELABURAN TERKUMPUL

Pada tahun ini, pelaburan terkumpul KWSP meningkat sebanyak 9.26 peratus atau RM29.00 bilion kepada RM342.01 bilion pada tahun 2008 berbanding RM313.01 bilion pada tahun 2007.

## ASET TERKUMPUL

Pada tahun yang ditinjau, aset terkumpul KWSP meningkat sebanyak 8.7 peratus kepada RM346.11 bilion berbanding RM318.30 bilion pada tahun 2007.

## *WITHDRAWALS*

*In 2008, a total of 1,413,220 withdrawal applications were approved in comparison to 762,946 withdrawals in 2007, representing an increase of 85.23 percent. In the meanwhile, the total savings withdrawn during the year increased by 1.57 percent to RM18.16 billion, in comparison to RM17.88 billion the year before.*

*The increase in the amount of savings withdrawn during the year was due to the increase in withdrawals for monthly housing loan payments, health and education purposes. 2008 also saw a large number of savings withdrawals by members with savings exceeding RM1 million following the launch of this withdrawal category in November 2007.*

## *ACCUMULATED INVESTMENTS*

*During the year, the EPF's accumulated investments increased by 9.26 percent or RM29.00 billion to RM342.01 billion in 2008 from RM313.01 billion in 2007.*

## *ACCUMULATED ASSETS*

*The year under review saw the EPF's accumulated assets increasing by 8.7 percent to RM346.11 billion in 2008 against RM318.30 billion in 2007.*

**Bilangan Pengeluaran**
***Numbers of Withdrawals***




**Pelaburan Terkumpul**
***Accumulated Investments***



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## PENUNJUK UTAMA
## *KEY INDICATORS*

### PENDAPATAN KASAR
Walaupun berhadapan dengan gejala kemelesetan kewangan global, namun KWSP masih mampu merekodkan pendapatan kasar paling tinggi pernah dicatatkan iaitu sebanyak RM20 bilion pada tahun 2008 berbanding RM18.29 bilion yang dicatatkan sebelumnya, bertambah sebanyak 9.36 peratus. Pertambahan pendapatan ini mampu dicapai terutamanya melalui pulangan pendapatan daripada pelaburan Pinjaman dan Bon (RM6.78 bilion), Ekuiti (RM6.67 bilion) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM4.94 bilion).

### MAJIKAN GAGAL MENCARUM
Pada tahun 2008, bilangan majikan gagal mencarum adalah sebanyak 9,223 atau 2.09 peratus daripada 441,820 majikan berdaftar. Secara perbandingan, pada tahun 2007 sejumlah 11,423 majikan gagal mencarum iaitu 2.67 peratus daripada 428,319 majikan berdaftar pada tahun tersebut.

### *GROSS INCOME*
*Amidst the global financial meltdown, the EPF recorded the highest ever earnings of RM20 billion in gross income for 2008, representing an increase of 9.36 percent over the previous year's gross income of RM18.29 billion. The increase in earnings was derived primarily from return income from investments in Loans and Bonds (RM6.78 billion), Equities (RM6.67 billion) and Malaysian Government Securities (RM4.94 billion).*

### *DEFAULTING EMPLOYERS*
*In 2008, the total number of defaulting employers was 9,223 or 2.09 percent of a total 441,820 registered employers. In comparison, there were 11,423 defaulting employers comprising 2.67 percent of the total 428,319 registered employers in 2007.*

**Aset Terkumpul**
***Accumulated Assets***




**Pendapatan Kasar**
***Gross Income***



## AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Prestasi baik kadar majikan gagal mencarum ini adalah hasil tindakan penguatkuasaan tegas yang dijalankan pada tahun 2008. Antara tindakan yang telah diambil termasuk mengambil tindakan pencegahan terhadap majikan yang berpotensi gagal mencarum, pemeriksaan terhadap majikan yang didapati gagal mencarum, tindakan tuntutan awalan, aktiviti memperluaskan liputan majikan dan pekerja serta tindakan undang-undang sehingga peringkat pelaksanaan penghakiman dan larangan keluar negara terhadap syarikat dan pengarah-pengarah syarikat yang dikenalpasti gagal mencarum dalam tempoh yang ditetapkan.

Aktiviti penguatkuasaan yang tegas tetapi berhemah dan responsif termasuk tindakan undang-undang pendakwaan dan sivil di mahkamah terhadap majikan yang didapati gagal mencarum turut dipergiatkan, sebagai kesinambungan usaha KWSP mendapatkan semula caruman tertunggak demi memastikan kepentingan pekerja terjamin.

Pada tahun 2008, sejumlah 7,164 kes pendakwaan terhadap majikan gagal mencarum telah didaftar di mahkamah. Perintah mahkamah berkaitan caruman KWSP yang tertunggak berjumlah RM22.53 juta diperoleh manakala jumlah hukuman denda yang dikenakan terhadap majikan yang diambil tindakan pendakwaan adalah berjumlah RM935,000. Melalui tindakan sivil, sejumlah 671 kes baru telah didaftarkan sepanjang tahun 2008 melibatkan seramai 2,013 pengarah syarikat majikan gagal mencarum. Melalui tindakan pendakwaan, tunggakan caruman sebanyak RM22.39 juta telah berjaya dikutip manakala tindakan sivil pula sebanyak RM22.93 juta.

## *ENFORCEMENT ACTIVITIES*

*The marginal decrease in the number of defaulting employers in 2008 was attributable to enhanced enforcement measures undertaken over the course of the year. These measures included adopting preventive measures against potential defaulters; timely investigations against defaulting employers; an early recovery process; activities to widen the coverage of employers and employees; legal action up to prosecution/ judgment stage; and overseas travel restrictions on companies and directors of companies found to have defaulted on their contributions within the specified timeframe.*

*We intensified our continuous efforts to recover outstanding contributions and protect employees' interests through firm, yet prudent and proactive enforcement activities which included prosecution and civil action against employers found defaulting on their contributions.*

*In 2008, a total of 7,164 cases of litigation against errant employers were registered in the courts. As a result, court orders amounting to RM22.53 million in outstanding EPF contributions were recovered while a total of RM935,000 in fines was imposed on defaulting employers. Through civil action, 671 new cases involving 2,013 defaulting company directors were registered during 2008. This civil action rendered some RM22.93 million in contribution arrears. Through successful prosecution, we recovered outstanding contribution arrears amounting to RM22.39 million.*

**Bilangan Majikan Berdaftar dan Majikan Gagal Mencarum**
***Number of Registered Employers and Defaulting Employers***



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### PENUNJUK UTAMA
### *KEY INDICATORS*

Selain itu tindakan penguatkuasaan yang lebih agresif terhadap majikan gagal mencarum yang beramaun besar turut menyumbang kepada peningkatan kutipan caruman tertunggak. Pada tahun 2008, kutipan yang diperolehi daripada majikan beramaun besar ini adalah sebanyak RM162.40 juta berbanding RM99.10 juta bagi tahun sebelumnya.

Tindakan tegas turut diambil ke atas pengarah-pengarah syarikat yang gagal mencarum di mana seramai 932 pengarah syarikat telah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan larangan keluar negara di bawah Seksyen 39, Akta KWSP 1991 menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 3,709 sejak pelaksanaan mulai tahun 2002.

Aktiviti pemeriksaan kawasan masih diberi tumpuan sepanjang tahun 2008 bertujuan memaksimakan liputan pekerja dan majikan. Pemeriksaan dijalankan ke premis majikan di kawasan yang dikenalpasti bagi memastikan majikan yang bertanggung mencarum mendaftar dengan KWSP dan membayar caruman mengikut kadar berkanun untuk kesemua pekerja mereka. Melalui pemeriksaan ke atas 42,197 premis majikan sepanjang tahun 2008, sebanyak 4,387 majikan baru dan 3,052 ahli baru telah berjaya didaftarkan. Hasil pemeriksaan ke atas majikan yang telah berdaftar pula mendapati 327 daripadanya gagal mencarum dan 1,114 lagi mencarum tetapi tidak mematuhi kadar caruman yang ditetapkan atau hanya mencarum terhadap sebahagian pekerja sahaja.

*On top of this, more aggressive enforcement activities against defaulting employers with huge arrears led to an increase in the recovery of outstanding contributions. In 2008, RM162.40 million were recovered from these defaulting employers in comparison to RM99.10 million the year before.*

*Stern actions were also meted out against defaulting company directors whereby the 932 company directors were submitted to the Immigration Department to restrict them from travelling overseas pursuant to Section 39 of EPF Act, 1991. Since 2002, a total of 3,709 directors have been served with orders of restriction against leaving the country under Section 39 of the Act.*

*In year 2008, area inspection activities were given continued primarily to ensure maximum employer and employee coverage. Employers' premises within designated areas were inspected to ensure that employers who were liable to contribute had registered with the EPF and had submitted contributions for all their employees based on the statutory rates. Through such inspections on some 42,197 employers' premises, 4,387 new employers and 3,052 new members were successfully registered in 2008. Checks on registered employers found that 327 of them had failed to submit their contributions while another 1,114 had submitted their contributions but had not complied with the prevailing statutory rates or were only remitting contributions for certain employees.*



Kegawatan ekonomi global yang berlaku mulai suku keempat tahun 2008 tidak menunjukkan impak negatif terhadap kadar majikan gagal mencarum secara keseluruhan. Walaupun bilangan majikan gagal mencarum untuk caruman bulan semasa pada suku tahun keempat menunjukkan sedikit peningkatan, keadaan ini dapat diatasi hasil daripada aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan iaitu dengan pemantauan rapi bagi mengekang dan mengawal majikan gagal mencarum serta tindakan penguatkuasaan dan penyelesaian di peringkat awal keingkaran majikan dikenalpasti.

Adalah dijangkakan aktiviti penguatkuasaan akan menjadi lebih mencabar dan tahap ketidakpatuhan majikan akan meningkat kesan daripada kelembapan ekonomi global yang turut mempengaruhi majikan di Malaysia. Pelbagai strategi telah dirangka bagi menangani keadaan ini agar ianya tidak memberi impak yang ketara. Antaranya kawalan yang lebih rapi ke atas majikan yang berisiko gagal mencarum, lawatan pemeriksaan yang lebih kerap di sektor yang dikenalpasti terjejas dan jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan yang berkait rapat dengan pekerjaan dan tenaga buruh. Selain itu, pendekatan yang lebih berhemah terhadap majikan yang bermasalah aliran tunai bagi memastikan tempoh tunggakan tidak terlalu panjang dan amaun tertunggak masih dalam keupayaan pembayaran oleh majikan tersebut.

*Despite the global economic meltdown that set in during the fourth quarter of 2008, there was no apparent negative impact on the total number of defaulting employers during that period. Although the total number of defaulting employers in the fourth quarter showed a marginal increase, the situation was successfully addressed via proactive enforcement activities. These included vigilant monitoring to impede and control defaulting employers, as well as enforcement and recovery measures at the early stages when defaulting employers had been identified.*

*Going forward, enforcement activities will be more challenging and that the number of defaulting employers will increase as a result of the global economic slowdown which is undoubtedly having an impact on employers throughout Malaysia. To address the situation, effective strategies have been drawn out with the aim of significantly lessening the extent of the impact. These measures include closer monitoring of employers with a high risk of defaulting, more frequent inspection visits to sectors that are known to have been affected by the downturn, as well as closer coordination with government agencies that deal with employment and manpower issues. We will also undertake a more moderate approach in relation to defaulting employers facing cash flow problems to ensure that the outstanding contribution period is not overly long and that they are still capable of remitting any outstanding contributions.*



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### PENGELUARAN PERSARAAN
### *RETIREMENT WITHDRAWALS*

**PENGELUARAN 55 TAHUN FLEKSIBEL**

Pengeluaran Umur 55 Fleksibel diperkenalkan di bawah inisiatif "Bukan Hanya Simpanan" 2007 untuk menggalakkan para ahli mengeluarkan simpanan mereka secara berkala sepanjang tempoh yang lebih panjang. Kini, ahli boleh memilih pengeluaran fleksibel yang lebih luas, misalnya melalui pembayaran secara sekaligus, pembayaran bulanan minimum RM250 selama tidak kurang dari satu tahun serta pengeluaran pada sebarang masa dalam jumlah minimum RM2,000 pada jarak masa 30 hari. Ahli juga boleh memilih satu atau kombinasi pilihan pembayaran yang disediakan.

Pada tahun 2008, sebanyak 154,532 permohonan telah diluluskan di bawah pengeluaran umur 55 tahun, meningkat sebanyak lebih kurang 13.50 peratus berbanding 136,155 permohonan pada tahun sebelumnya. Selaras dengan perangkaan tersebut, jumlah pengeluaran simpanan umur 55 tahun menunjukkan peningkatan sebanyak 1.67 peratus, daripada RM6.58 bilion sebelumnya kepada RM6.69 bilion pada tahun 2008.

***FLEXIBLE AGE 55 YEARS WITHDRAWALS***

*The Flexible Age 55 Withdrawal was introduced under 2007's "Beyond Savings" initiative to encourage members to withdraw their savings periodically over a longer period. Members can now choose from a wider choice of flexible withdrawal options, such as lump sum payments, minimum monthly payments of RM250 for a period of not less than one year, as well as withdrawals anytime at a minimum amount of RM2,000 at 30-day intervals. Members may also choose one or a combination of these payment options.*

*In 2008, a total of 154,532 applications were approved under the age 55 withdrawal compared to 136,155 applications in the preceding year, representing an increase of approximately 13.50 percent applications in 2008. In line with this, the amount of age 55 savings withdrawals increased by 1.67 percent from RM6.58 billion in 2007 to RM6.69 billion in 2008.*

**Bilangan Pengeluaran Umur 55 Tahun**
***Number of Age 55 Withdrawals***




**Bilangan Pengeluaran Umur 50 Tahun**
***Number of Age 50 Withdrawals***



## PENGELUARAN PRA-PERSARAAN
## *PRE-RETIREMENT WITHDRAWALS*

### PENGELUARAN USIA 50 TAHUN

Di bawah pengeluaran ini, selepas mencapai usia 50 tahun, ahli mempunyai pilihan untuk mengeluarkan semua simpanan mereka dalam Akaun 2. Pada tahun 2008, seramai 107,080 ahli telah mengeluarkan sebanyak RM2.83 bilion berbanding 107,374 ahli yang membuat pengeluaran berjumlah RM2.71 bilion pada tahun 2007.

### PENGELUARAN PERUMAHAN

Ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka dalam Akaun 2 untuk membeli atau membina rumah atau mengurangkan pinjaman perumahan mereka. Sejumlah 1,000,240 transaksi pengeluaran perumahan telah diluluskan pada tahun 2008 yang melibatkan jumlah simpanan sebanyak RM5.39 bilion berbanding 397,402 permohonan berjumlah RM5.94 bilion pada tahun 2007.

### PENGELUARAN KESIHATAN

Ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka dalam Akaun 2 untuk membayar kos rawatan perubatan mereka atau untuk ibu bapa, pasangan suami atau isteri atau anak-anak yang mungkin menghidapi penyakit kritikal. Walau bagaimanapun, ahli tidak layak mengeluarkan simpanan mereka bagi tujuan ini jika kos tersebut sudah ditanggung sepenuhnya oleh majikan. Pada tahun 2008, 5,075 ahli mengeluarkan sebanyak RM48.48 juta bagi tujuan kesihatan berbanding 4,861 ahli yang mengeluarkan simpanan mereka sebanyak RM51.10 juta.

### *AGE 50 WITHDRAWALS*

*Under this withdrawal, upon reaching age 50, members have the option of withdrawing all their savings in Account 2. In 2008, a total of 107,080 members withdrew RM2.83 billion in comparison to 107,374 members who withdrew RM2.71 billion in 2007.*

### *HOUSING WITHDRAWALS*

*Members can withdraw their savings in Account 2 to buy or build houses or reduce their outstanding housing loans. A total of 1,000,240 housing withdrawal applications were approved in 2008 amounting to savings of RM5.39 billion in comparison to 397,402 applications amounting to RM5.94 billion in 2007.*

### *HEALTH WITHDRAWALS*

*Members may withdraw their savings in Account 2 to pay for the cost of their medical treatment or for their parents, spouses or children who may have critical illnesses. However, members will not be eligible to withdraw savings for this purpose if the cost is fully borne by their employers. In 2008, 5,075 members withdrew RM48.48 million for health purposes in comparison to 4,861 members who withdrew savings of RM51.10 million in 2007.*

**Bilangan Pengeluaran Perumahan**
***Number of Housing Withdrawals***




**Bilangan Pengeluaran Kesihatan**
***Number of Health Withdrawals***



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## PENGELUARAN PRA-PERSARAAN
## *PRE-RETIREMENT WITHDRAWALS*

### PENGELUARAN PENDIDIKAN

Di bawah pengeluaran ini, ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka dalam Akaun 2 untuk membiayai pendidikan mereka atau pendidikan anak-anak mereka di peringkat diploma dan ke atas. Pada tahun ini, ahli KWSP telah mengambil kesempatan daripada pengeluaran pendidikan di mana sebanyak 35,215 permohonan berjumlah RM263.87 juta telah diluluskan pada tahun 2008 berbanding 24,097 permohonan berjumlah RM255.81 juta tahun sebelumnya.

### PENGELUARAN PELABURAN

Di bawah struktur Simpanan Asas yang diperkenalkan pada bulan Februari 2008, ahli KWSP kini mempunyai tahap fleksibiliti yang lebih untuk melabur simpanan mereka yang melebihi Simpanan Asas. Jumlah Simpanan Asas adalah jumlah simpanan khusus dalam Akaun 1 yang ditetapkan terlebih dahulu mengikut peringkat umur ahli. Tahun ini menunjukkan bilangan pengeluaran simpanan yang lebih tinggi berikutan peningkatan bilangan ahli layak untuk pengeluaran jenis ini. Pada tahun 2008, sejumlah 415,853 permohonan sedemikian berjumlah RM3.33 bilion telah diluluskan berbanding 296,235 permohonan berjumlah RM3.29 bilion pada tahun 2007. Ia menggambarkan pertambahan permohonan pengeluaran pelaburan diluluskan sebanyak 40.38 peratus dan pertambahan pelaburan dana sebanyak 1.21 peratus.

### PENGELUARAN BAGI SIMPANAN MELEBIHI RM1 JUTA

Satu lagi unsur inisiatif "Bukan Hanya Simpanan" adalah ahli dengan simpanan melebihi RM1 juta diberi peluang membuat pengeluaran, mengurus dan melabur sendiri jumlah lebihan simpanan yang mereka miliki, tertakluk kepada minimum RM100,000 setiap tiga bulan. Berhubung perkara ini, KWSP telah memproses 893 permohonan berjumlah RM362.35 juta pada tahun 2008 berbanding 163 permohonan yang melibatkan simpanan berjumlah RM82.62 juta pada tahun 2007.

### *EDUCATION WITHDRAWALS*

*Under this withdrawal, members can withdraw their savings in Account 2 to finance their education or their children's education at diploma level and above. During the year, EPF members continued to take advantage of the education withdrawal whereby 35,215 applications amounting to RM263.87 million were approved in 2008 in comparison to 24,097 applications amounting to RM255.81 million the year before.*

### *INVESTMENT WITHDRAWALS*

*Under the new Basic Savings structure introduced in February 2008, EPF members now have greater flexibility to invest savings in excess of the Basic Savings amount in Account 1. The Basic Savings amount is a specific amount of savings in Account 1 that is pre-determined by members' age levels. The year saw a higher number of investment withdrawals due to the higher number of members eligible for this type of withdrawal. In 2008, 415,853 of such applications amounting to RM3.33 billion were approved in comparison to 296,235 applications amounting to RM3.29 billion in 2007, representing a 40.38 percent increase in investment withdrawal applications approved and a 1.21 percent increase in funds invested.*

### *WITHDRAWALS FOR SAVINGS EXCEEDING RM1 MILLION*

*Another element of the "Beyond Sayings" initiative is that members with savings exceeding RM1 million are given the opportunity to withdraw, manage and invest the excess amount on their own subject to a minimum of RM100,000 every three months. In respect of this, the EPF processed 893 applications amounting to RM362.35 million in 2008 in comparison to 163 applications involving savings of RM82.62 million in 2007.*

**Bilangan Pengeluaran Pendidikan**
***Number of Education Withdrawals***




**Bilangan Pengeluaran Pelaburan**
***Number of Investment Withdrawals***



## PENGELUARAN LAIN
## *OTHER WITHDRAWALS*

### PENGELUARAN HILANG UPAYA DAN KEMATIAN

Ahli yang menjadi hilang upaya secara fizikal dan mental boleh mengeluarkan keseluruhan simpanan mereka. Selepas kematian ahli, penama atau saudara terdekat mereka boleh memohon untuk mengeluarkan simpanan si mati. Penama ahli yang beragama Islam akan hanya bertindak sebagai wasi atau pentadbir simpanan si mati dan perlu mengagihkan menurut Hukum Faraid.

Pada tahun 2008, simpanan berjumlah RM259.02 juta telah dikeluarkan di bawah pengeluaran hilang upaya berbanding RM207.13 juta yang dikeluarkan pada tahun 2007. Sebanyak 6,489 permohonan pengeluaran hilang upaya telah diluluskan pada tahun 2008 berbanding 5,991 permohonan setahun sebelumnya. Pada tahun ini, sejumlah RM540.84 juta telah diluluskan bagi pengeluaran kematian berbanding RM463.18 juta pengeluaran kematian yang diluluskan pada tahun 2007. Terdapat 33,912 permohonan pengeluaran kematian yang dikemukakan pada tahun 2008 berbanding 23,780 permohonan pada tahun 2007.

### *INCAPACITATION AND DEATH WITHDRAWALS*

*Members who become physically and mentally incapacitated can withdraw their entire savings. Upon the death of members, their nominees and next-of-kin can apply to withdraw the deceased's savings. The nominees of Muslim members, will only act as wasi or administrators of the deceased's savings and they shall distribute it according to the Hukum Faraid.*

*In 2008, total savings valued at RM259.02 million was withdrawn under the incapacitation withdrawal in comparison to RM207.13 million withdrawn in 2007. 6,489 incapacitation withdrawal applications were approved in 2008 in comparison to 5,991 applications the year before. This year, RM540.84 million worth of death withdrawals approved in comparison to RM463.18 million in death withdrawals approved in 2007. There were 33,912 death withdrawal applications in 2008 against 23,780 applicants in 2007.*

**Bilangan Pengeluaran Hilang Upaya**
***Number of Incapacitation Withdrawals***




**Bilangan Pengeluaran Kematian**
***Number of Death Withdrawals***



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### PENGELUARAN PENGELUARAN LAIN
### *OTHER WITHDRAWALS*

**PENGELUARAN MENINGGALKAN NEGARA**

Di bawah pengeluaran ini, ahli yang merupakan warga asing yang berhasrat meninggalkan negara boleh mengeluarkan keseluruhan simpanan mereka. Ahli warganegara Malaysia yang berhasrat meninggalkan negara tanpa niat untuk kembali semula boleh mengeluarkan seluruh simpanan mereka sekiranya mereka membatalkan status mereka sebagai warganegara Malaysia. Pada tahun ini, seramai 2,151 ahli membuat pengeluaran di bawah kategori tersebut dan ia melibatkan simpanan berjumlah RM145.79 juta berbanding 1,816 ahli yang mengeluarkan simpanan berjumlah RM134.08 juta tahun sebelumnya.

**PENGELUARAN PEKERJA BERPENCEN**

Pekerja sektor awam berpencen boleh mengeluarkan bahagian caruman mereka sementara pekerja yang memilih untuk bersara awal daripada sektor awam juga boleh mengeluarkan semua bahagian simpanan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dalam sektor awam. Pada tahun 2008, seramai 59,847 pekerja berpencen mengeluarkan simpanan mereka berjumlah RM1.57 bilion di bawah kategori pengeluaran ini berbanding 53,511 pekerja berpencen yang mengeluarkan simpanan mereka berjumlah RM1.40 bilion pada tahun 2007.

***LEAVING THE COUNTRY WITHDRAWALS***

*Under this withdrawal, members who are foreign citizens intending to leave the country may withdraw their entire savings. Members who are Malaysian citizens who intend to leave the country with no intention to return, may withdraw all their savings provided they revoke their Malaysian citizenship. During the year, a total of 2,151 members made withdrawals under this category involving savings of RM145.79 million in comparison to 1,816 members withdrawing savings worth RM134.08 million in the preceding year.*

***PENSIONABLE EMPLOYEES WITHDRAWALS***

*Pensionable public sector employees may withdraw their share of contributions while employees who opt for early retirement from the public sector can also withdraw all their share of savings during their tenure of service in the public sector. In 2008, a total of 59,847 pensionable employees withdrew savings amounting to RM1.57 billion under this withdrawal in comparison to 53,511 pensionable employees who withdrew savings amounting to RM1.40 billion in 2007.*

**Bilangan Pengeluaran Meninggalkan Negara**
***Number of Leaving the Country Withdrawals***






## MANFAAT LAIN
## *OTHER BENEFITS*

### MANFAAT HILANG UPAYA DAN KEMATIAN

Manfaat hilang upaya dan manfaat kematian merupakan bentuk bantuan simpati yang diberi kepada ahli atau saudara terdekat mereka atau orang di bawah tanggungan mereka. Manfaat ini diperoleh daripada hasil KWSP dan bukan sebahagian daripada simpanan ahli. Ia bertujuan untuk meredakan beban kewangan ahli/saudara terdekat mereka/orang di bawah tanggungan mereka yang menderita akibat ahli kehilangan upaya atau meninggal dunia. Manfaat hilang upaya sebanyak RM5,000 akan dibayar kepada ahli di bawah pengeluaran hilang upaya. Sementara itu, manfaat kematian sebanyak RM2,500 akan diberi kepada saudara terdekat/orang di bawah tanggungannya berikutan kematian ahli.

Pada tahun ini, sejumlah RM4.22 juta manfaat hilang upaya telah dibayar berbanding RM3.46 juta yang dibayar pada tahun 2007. Manfaat kematian yang dibayar kepada orang di bawah tanggungan atau saudara terdekat ahli pada tahun ini berkurangan kepada RM34.96 juta berbanding RM39.47 juta yang dibayar pada tahun sebelumnya.

### *INCAPACITATION AND DEATH BENEFITS*

*The incapacitation benefit and death benefit are forms of sympathy assistance given to members or their next-of-kin or dependents. These benefits are derived from the EPF's revenue and are not part of members' savings. They are aimed at easing the financial burden of members/next-of-kin/dependents who have suffered from members' incapacitation or death. An incapacitation benefit of RM5,000 will be paid to members under the incapacitation withdrawal. Meanwhile, a death benefit of RM2,500 will be given to next-of-kin/dependents upon a member's death.*

*During the year, a total of RM4.22 million worth of incapacitation benefits was paid out in comparison to RM3.46 million paid out in 2007. Death benefits amounting to RM34.96 million were paid out to members' dependents or next-of-kin, representing a decrease against the RM39.47 million paid out in the preceding year.*





# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## INISIATIF TRANSFORMASI
## *TRANSFORMATION INITIATIVES*

### PENINGKATAN SELANJUTNYA KEPADA SKIM KWSP DI BAWAH INISIATIF "BUKAN HANYA SIMPANAN"

Di bawah inisiatif "Bukan Hanya Simpanan" yang merupakan struktur manfaat KWSP yang telah diperbaharui serta dilancarkan pada bulan November 2007, KWSP telah meneruskan usaha memperkenalkan beberapa perubahan baharu sepanjang tahun 2008 untuk memberi lebih banyak pilihan dan fleksibiliti untuk mengurus simpanan KWSP ahli.

#### Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan

Pengeluaran yang dimulakan pada 1 Januari 2008 ini membolehkan ahli menggunakan simpanan mereka daripada Akaun 2 untuk membayar ansuran bulanan pinjaman perumahan bagi tujuan membeli atau membina rumah. Pengeluaran ini adalah tambahan kepada pengeluaran bagi mengurangkan atau menebus pinjaman perumahan mereka. Pembayaran akan dibuat melalui pengkreditan terus ke dalam akaun bank peribadi ahli atau akan dihantar kepada mereka dalam bentuk cek jurubank untuk dibayar kepada institusi kewangan berkenaan (bagi mereka yang bermasalah pinjaman tidak berbayar).

### *FURTHER ENHANCEMENTS TO THE EPF SCHEME UNDER THE "BEYOND SAVINGS" INITIATIVE*

*Under the "Beyond Savings" initiative which is essentially the EPF's revamped benefits structure that was launched in November 2007, the EPF continued to introduce several new changes over 2008 to give the members more choices and greater flexibility to manage their EPF savings.*

#### *Monthly Housing Loan Installment Withdrawal*

*Launched on 1 January 2008, this withdrawal allows members to utilise their savings from their Account 2 to pay for the monthly instalments of a housing loan taken for the purpose of buying or building a house. This withdrawal is in addition to the withdrawal to reduce or redeem their housing loans. Payments will be made via direct-crediting into members' personal bank accounts or will be sent to them in the form of a banker's cheque payable to the financial institution (for those with non-performing loans).*



**Menyusun Semula Pilihan Pelaburan Ahli – Simpanan Asas**

Jika sebelumnya ahli KWSP hanya boleh melabur sebanyak 20 peratus daripada simpanan dalam Akaun 1 mereka yang melebihi jumlah RM50,000 untuk dilaburkan ke dalam pelaburan diluluskan menerusi pengurus dana luar diluluskan. Melalui struktur Simpanan Asas baharu yang diperkenalkan pada 1 Februari 2008, ahli mempunyai fleksibiliti lebih luas untuk melabur lebihan simpanan dalam Simpanan Asas mereka dalam Akaun 1. Jumlah Simpanan Asas adalah jumlah khusus dalam Akaun 1 yang ditetapkan terlebih dahulu mengikut peringkat usia ahli. Misalnya, bagi ahli yang berusia 25, jumlah Simpanan Asas yang ditetapkan terlebih dahulu adalah sebanyak RM9,000 dan mereka bebas untuk membuat pelaburan jika mempunyai simpanan melebihi jumlah ini. Pada usia 35, mereka boleh melabur jika mereka mempunyai simpanan menjangkau RM29,000 dan seterusnya. Kadar simpanan asas ini akan disemak dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan sosio-ekonomi ketika itu.

Simpanan Asas bertujuan membolehkan ahli mengumpul simpanan minimum sebanyak RM120,000 selepas mencapai usia 55 tahun. Ini akan membolehkan ahli mendapat bayaran bulanan sekurang-kurangnya RM500 sepanjang tempoh 20 tahun sehingga mereka mencapai usia 75 tahun, iaitu jangka hayat purata rakyat Malaysia. Pelaburan boleh dilakukan sekali setiap tiga bulan pada jumlah minimum RM1,000.

***Restructuring of Members' Investment Choice – Basic Savings***

*Where previously EPF members could only invest 20 percent of their savings in excess of RM50,000 in Account 1 in approved investments through approved external fund managers, through the new Basic Savings structure introduced on 1 February 2008, members now have greater flexibility to invest savings in excess of the Basic Savings amount in Account 1. The Basic Savings amount is a specific amount of savings in Account 1 that is pre-determined by members' age levels. For instance, for members aged 25, the pre-determined Basic Savings amount is RM9,000 and they are free to make investments if they have savings in excess of this amount. At age 35, they can invest if they have savings beyond RM29,000 and so forth. The basic savings rate will be reviewed from time to time to reflect changes in the socio-economic environment.*

*The purpose of Basic Savings is to enable members to accumulate a minimum savings of RM120,000 upon reaching age 55. This will enable members to have a monthly payment of at least RM500 over a 20-year period until they reach 75 years, the average life expectancy of Malaysians. Investments can be made once every three months at a minimum sum of RM1,000.*



**Simpanan Asas (Akaun 1)**
***Basic Savings (Account 1)***



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### INISIATIF TRANSFORMASI
### *TRANSFORMATION INITIATIVES*

**Perubahan Kepada Struktur Caruman**

Beberapa perubahan berikut telah dilaksanakan pada struktur caruman pada bulan Februari 2008:

- **Lanjutan liabiliti untuk mencarum dari usia 55 kepada 75 tahun**

  Mulai 1 Februari 2008, tempoh liabiliti caruman mandatori kepada KWSP bagi majikan dan pekerja telah dilanjutkan dari usia 55 kepada 75 tahun. Perubahan ini bertujuan untuk menggalakkan ahli supaya terus bekerja selepas mencapai usia 55 tahun supaya ia dapat membantu mempertingkatkan simpanan persaraan mereka.

- **Pengenalan kadar caruman dua peringkat**

  Bagi menggalakkan pekerja supaya terus bekerja selepas mencapai usia 55 tahun dan bagi mengelak majikan dan pekerja menanggung beban kadar caruman yang tinggi, kadar statutori caruman bagi kumpulan ini telah dikurangkan kepada setengah. Ini menyediakan struktur kadar caruman dua peringkat iaitu untuk kakitangan yang berusia bawah 55 tahun dan satu lagi bagi mereka berusia antara 55 hingga 75 tahun.

  Walau bagaimanapun, ahli dan majikan mereka dalam lingkungan usia 55 tahun ke atas boleh memilih untuk mencarum lebih daripada kadar statutori tersebut jika mereka ingin berbuat demikian. Kadar caruman yang lebih rendah ini walau bagaimanapun, tidak tertakluk kepada pekerja yang sudah berusia lebih 55 tahun dan kini bekerja dan masih belum membuat sebarang Pengeluaran Usia 55 Tahun. Pekerja dan majikan mereka akan terus membuat caruman pada kadar sedia ada sehingga Pengeluaran Usia 55 Tahun dilakukan.

- **Pengenalan pembayaran dividen sehingga usia 75 tahun**

  Perubahan ini dibuat bagi menggalakkan ahli yang sudah mencapai usia 75 tahun supaya mengeluarkan simpanan mereka. Simpanan yang tidak dikeluarkan selepas usia 75 tahun akan dipindahkan ke Pendaftar Wang Tidak Dituntut selepas tempoh lima tahun iaitu apabila ahli mencapai usia 80 tahun.

***Changes to Contribution Structure***

*February 2008 also saw the following changes taking place to the contribution structure:*

- ***Extension of liability to contribute from age 55 to age 75 years***

  *Effective 1 February 2008, the liability period for mandatory contributions to the EPF for both employers and employees has been extended from age 55 to age 75. This change aims to encourage members to continue working after 55 years to enhance their retirement savings.*

- ***Introduction of two-tier contribution rates***

  *To encourage continued employment for employees after age 55 and to avoid burdening employers and employees with high contribution rates, there is how a two-tier contribution rate structure i.e. one for those employees below age 55 years and another for those between the ages of 55 and 75 years. The statutory contribution rate of two are between the ages of 55 and 75 years are half to twice of employees below the age of 55 years.*

  *Nevertheless, members and their employers in the age 55 above group can choose to contribute more than the statutory rate if they so wish. The lower rates of contribution, however, do not apply to employees who are already above 55 and are currently working, and who have not made any Age 55 Withdrawal. These workers and their employers will continue to make contributions at the existing rates until an Age 55 Withdrawal is made.*

- ***Introduction of dividend payment up to Age 75***

  *This change was made to encourage members after 75 years to withdraw their savings. Savings not withdrawn after age 75 years shall be transferred to the Registrar of Unclaimed Monies after a five-year period, that is, at age 80.*

### Tambah Nilai Simpanan Akaun 1

Pindaan yang diperkenalkan pada 1 Jun 2008 ini menyediakan kaedah kepada ahli yang mungkin tidak mempunyai jumlah simpanan yang mencukupi untuk keperluan persaraan mereka untuk memenuhi kekurangan itu melalui pelan tambah nilai. Dengan menawarkan anak-anak ahli peluang menambah nilai ibu bapa atau pasangan suami atau isteri menambah nilai simpanan antara satu sama lain, simpanan persaraan ahli boleh ditingkatkan dan nilai kekeluargaan diperkukuhkan. Tambah nilai ini boleh dilakukan pada bila-bila masa sehingga ahli (orang yang simpanannya ditambah nilai) mencapai usia 55 tahun. Untuk menambah nilai akaun simpanan seseorang ahli, anak-anak atau pasangan suami atau isteri tersebut tidak semestinya seorang ahli KWSP.

Di bawah perubahan ini, simpanan yang ditambah nilai boleh dideposit ke dalam Akaun 1, sama ada secara tunai atau dengan cek, di kaunter perkhidmatan cawangan-cawangan utama KWSP. Tiada had maksimum tambah nilai ditetapkan, tetapi had minimumnya ialah RM50. Bagaimanapun, simpanan tambah nilai tidak boleh diambil atau dipindah daripada akaun KWSP sedia ada orang yang menambah nilai itu.

### Tuntutan Harta Sepencarian Ke atas Simpanan Ahli

Perubahan di bawah Tuntutan Harta Sepencarian (mulai 1 Jun 2008) membolehkan KWSP memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membantu penuntut yang berhadapan dengan isu berkaitan tuntutan harta sepencarian ke atas simpanan KWSP. Ia membuka ruang untuk memudah pematuhan kepada perintah mahkamah berkaitan dengan isu tuntutan harta sepencarian sekiranya berlaku perceraian. Bagaimanapun, perubahan ini tertakluk kepada orang bukan Islam sahaja, kerana Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengisytiharkan bahawa simpanan KWSP bukan harta sepencarian bersama, tetapi sebaliknya adalah estet seseorang individu.

Di bawah perubahan ini, apabila penuntut mengemukakan permohonan bersama dengan perintah mahkamah, sebuah akaun khas akan dibuka di bawah nama si penuntut. Sebarang jumlah dipindahkan ke dalam akaun si penuntut daripada akaun ahli akan dibayar bersama dengan dividen apabila sipenuntut mencapai usia 55 tahun.

Secara keseluruhan, perubahan yang disebut di atas menggambarkan komitmen KWSP untuk menjadi lebih relevan kepada pelbagai permintaan ahli yang semakin berubah dan memaparkan tekad kami untuk menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial terbaik di dunia.

### *Top-Up Savings in Account 1*

*Introduced on 1 June 2008, this amendment provides an avenue for members who may not necessarily have sufficient savings for their retirement to make up for any savings shortfall through a topping-up plan. By offering member's children the opportunity to top up the savings of their parents, and spouses to top up for one another, members' retirement savings can be increased and family values strengthened. The topping-up can be done at any time until the member (person who receives the top-up savings) reaches the age of 55. The children or spouses do not necessarily have to be an EPF member to top up a member's savings account.*

*Under this change, the top-up savings can be deposited to the member's Account 1, either through cash or cheque, at the service counters of all major EPF branches. While there is no limit to the maximum amount, the minimum amount that can be topped up is RM50. However, the top-up savings cannot be taken or transferred from an existing EPF account of the person who made the topping up.*

### *Matrimonial Claim on Members' Savings*

*This change under Matrimonial Claims (effective 1 June 2008) allows the EPF to play a more proactive role in helping claimants with issues concerning matrimonial asset claims on EPF savings. It facilitates compliance with court orders regarding the issue of matrimonial asset claims on EPF savings in the event of a divorce. This change is however applicable to non-Muslims only, as the National Islamic Fatwa Council has declared that EPF savings is not a joint matrimonial asset but an individual's estate.*

*Under this change, when the claimant submits the application together with the court order, a special account will be opened under the claimant's name. Any amount transferred to the claimant's account from the member's account will be paid together with the dividends when the claimant reaches the age of 55.*

*All in all, the abovementioned changes are a manifestation of the EPF's commitment to become more relevant to the changing demands of our members and underscore our determination to be the best social security organisation in the world.*

# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## INISIATIF TRANSFORMASI
## *TRANSFORMATION INITIATIVES*

### PENAMBAHBAIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pada tahun 2008 ini, secara keseluruhannya sistem penyampaian perkhidmatan KWSP telahpun bertambah baik dengan tahap kestabilan sistem yang telah dipertingkatkan. Selain daripada itu, projek-projek yang telah dirancang adalah selaras dengan Pelan Induk ICT 2008. Empat teras utama pelan ini adalah Kecemerlangan Khidmat Pelanggan, Amalan-amalan Terbaik, Kecemerlangan Ilmu dan Kecemerlangan Proses. Terdapat lebih 20 projek yang telah disenaraikan dalam Projek ICT 2008 dan di antara projek-projek yang telah diselesaikan pada tahun 2008 adalah Projek Sistem Unit Meja Bantuan (UMB), Sistem Pengurusan Storan (Fasa 2) dan Penaiktarafan Keselamatan Pusat Data 3M. Disamping peningkatan taraf sistem dan pengenalan teknologi-teknologi baru yang canggih dan berkeupayaan tinggi, peningkatan kepakaran dan kemahiran kakitangan juga berjalan seiring. Adalah dijangkakan dengan tahap kepakaran dan kemahiran yang bakal dibangunkan ini, akan memastikan Sistem Teras Utama dan Sistem myEPF mampu dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Teknologi Maklumat, KWSP menjelang tahun 2010.

### PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Pada tahun 2008, Pengurusan Risiko Operasi (PRO) telah dilatakan secara penuh kepada jabatan, seksyen dan cawangan dengan menggunakan metodologi Kadskor Risiko Korporat (KRK). Risiko utama secara formal dan sistematik dicatatkan dan dikemaskinikan dalam 102 daftar risiko yang dimiliki oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan ketua jabatan, seksyen dan cawangan.

Terdapat pemilikan risiko, kawalan dan tindakan pengurusan yang jelas. 'Pemilik' secara aktif mengurus risiko, kawalan dan tindakan pengurusan mereka. Pada tahun 2008, 733 'pemilik' memberikan enam kali pengesahan digital kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Maklumat risiko utama dalam 102 daftar risiko disatukan, diskorkan dan diagregatkan sebanyak enam kali menurut tema risiko dan fungsi untuk analisis, kajian semula dan pemantauan.

Risiko utama dikaji semula dan dipantau secara kerap oleh cawangan, seksyen, jabatan, pengurusan atasan dan Lembaga Pengarah dan ini menghasilkan budaya pengamalan risiko yang teguh di seluruh KWSP.

### *IMPROVEMENTS TO INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY PLAN*

*In 2008, we focused our efforts on stabilising the overall system improvements made to the EPF's service delivery system as well as implementing projects that were in line with the 2008 ICT Master Plan. The four-thrust plan covered the elements of Customer Service Excellence, Good Practices, Knowledge Excellence, and Process Excellence while there were more than 20 ICT projects listed. The many projects completed during the year included the development of the Helpdesk System (UMB) and Storage Management System (Phase 2) as well as security upgrades to the 3M Data Centre.*

*Besides upgrading the system and introducing state-of-the-art technology, efforts were also focused on enhancing EPF staff members' skills and expertise. As the staff in our Information Technology Department develop a higher level of skills and expertise, it is envisage that the IT Department will be able to fully manage the IT Core System and the myEPF System by 2011.*

### *OPERATIONAL RISK MANAGEMENT*

*In 2008, the Operational Risk Management (ORM) framework was fully cascaded to departments, sections and branches using the Corporate Risk Scorecard methodology. Key risks were formally and systematically captured and updated in 102 risk registers owned by the CEO, department, section and branch heads.*

*Ownership of risks, controls and action plans were clearly outlined with owners actively managing their risks, controls and action plans. In 2008, 733 owners provided six digital assurances to the Management and the Board of Directors.*

*The key risk information in the 102 risk registers was consolidated, scored and aggregated six times in accordance with ORM risk themes and functions for analysis, review and monitoring.*

*There were also regular reviews and monitoring of key risks by branches, sections, departments, top management and the Board of Directors, all of which have helped build a strong practicing risk culture across the EPF.*

Selain ini, sejumlah 97 sesi latihan telah diadakan untuk kakitangan KWSP meningkatkan kesedaran dan kebolehan pengurusan risiko di kalangan mereka. Di antara sesi latihan yang telah dijalankan adalah:

- 8 kursus kesedaran risiko
- 40 bengkel kajian semula risiko
- 7 latihan "risk champion"
- 24 tutorial sistem PRO
- 12 sesi memudah cara pembangunan Penunjuk Risiko Utama ("Key Risk Indicators" - KRIs); dan
- 6 sesi memudah cara Penilaian Risiko Fraud ("Fraud Risk Assessment" – FRA)

## PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Keberkesanan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (PKP) akan membolehkan KWSP untuk:

- Bertindak secara efektif terhadap gangguan perniagaan;
- Memulihkan operasi perniagaan kritikal dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
- Meminimumkan kos kerosakan akibat gangguan operasi yang disebabkan bencana

Pelan Pada tahun 2008, KWSP telah meningkatkan lagi keupayaan program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dengan mengorganisasikan pelbagai aktiviti, antaranya kajian semula impak perniagaan, kajian semula strategi pemulihan, ujian panggilan "call tree", ujian "walkthrough" dan ujian peralatan untuk memastikan kesediaan pelan, sumber manusia dan infrastruktur semasa bencana.

Selain itu, Pengujian Simulasi Krisis telah diadakan pada bulan Ogos 2008 untuk menguji kesediaan KWSP menangani krisis jika berlaku bencana.

## PENGURUSAN RISIKO PELABURAN

Dalam tahun 2008, beberapa aktiviti telah dilaksanakan bagi meningkatkan tahap pengurusan risiko pelaburan di KWSP. Seksyen Risiko Pelaburan terlibat secara langsung dalam menyemak semula Alokasi Aset Strategik (AAS) yang telah dibentangkan kepada Panel Pelaburan pada bulan Februari. Di samping itu juga, semakan tahunan secara berkala turut dibuat bagi setiap jenis kelas aset dalam memastikan bilangan risiko yang sewajarnya ditetapkan. Selain daripada itu, kursus-kursus berkaitan risiko kredit dan risiko pasaran juga taklimat mengenai rangka kerja risiko pelaburan untuk Jabatan-jabatan berkenaan telah diatur bagi memastikan objektif pengurusan risiko ini difahami dengan jelas oleh semua pihak terlibat.

*On top of this, a total of 97 training sessions were held for EPF staff to help enhance their risk awareness and risk management ability. These sessions included*

- *8 risk awareness courses*
- *40 risk review workshops*
- *7 risk champion training sessions*
- *24 ORM system tutorials*
- *12 Key Risk Indicators (KRIs) development facilitations; and*
- *6 Fraud Risk Assessment (FRA) facilitations.*

## *BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT PLAN*

*Effective Business Continuity Management (BCM) will enable the EPF to:*

- *respond effectively to business disruption;*
- *recover critical business operations in a timely manner; and*
- *minimise business disruption caused by unforeseen disasters.*

*In 2008, further enhancements to the BCM programme were made by organising various activities that included business impact analysis reviews, recovery strategy reviews, call tree testing, walkthrough exercises and equipment testing, to ensure that all plans as well as human and infrastructure resources were in place in the event of a disaster.*

*On top of this, a crisis simulation exercise was carried out in August 2008 to test the readiness of the organisation to manage a crisis in the event of any untoward incidents.*

## *INVESTMENT RISK MANAGEMENT*

*In 2008, several activities had been implemented in order to enhance the level of investment risk management in EPF. Investment Risk Section (IRS) was actively involved in the review of Strategic Asset Allocation (SAA) presented to Investment Panel in February. In addition, annual review on policies and limits were continuously conducted for each asset class to ensure the appropriate amounts of risks are assigned. Apart from this, courses on credit and market risk and briefing of investment risk framework for all related departments had been organised to ensure the investment risk management objectives are clearly understood.*

# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

### INISIATIF TRANSFORMASI
### *TRANSFORMATION INITIATIVES*

**KESINAMBUNGAN TRANSFORMASI SUMBER MANUSIA**

**Program Pelan Penggantian**

Pelan Penggantian merupakan proses perancangan yang sistematik dalam mengenal pasti dan menyediakan pegawai-pegawai yang sesuai dan berkebolehan untuk mengambil alih tugas-tugas jawatan kritikal atau jawatan utama yang dikosongkan oleh penyandangnya. Di bawah program ini sejumlah pegawai yang berpotensi akan dimasukkan dalam 'calon bakat'. Program ini dikendalikan dan dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan Pelan Penggantian yang bertanggungjawab dalam proses pemilihan, menetapkan program latihan dan pembangunan kepada 'calon bakat' serta menilai dan mengawasi pencapaian mereka. Seramai 39 pegawai telah terpilih di bawah pelan penggantian peringkat pertama ini sebagai 'calon bakat' untuk tujuan pelan penggantian. Calon-calon bakat ini diberi latihan dan program pembangunan serta melalui pusingan kerja untuk memastikan mereka mendapat pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan. Fokus latihan untuk calon-calon ini adalah dari sudut kepimpinan bagi membolehkan mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

**Program Pengupayaan Kendiri**

KWSP memberi fokus kepada pembangunan warga korporat yang produktif dan cemerlang dalam usaha menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia. Salah satu inisiatif utama untuk mencapai tahap kecemerlangan tersebut adalah melalui pelaksanaan Program Pengupayaan Kendiri.

Program Pengupayaan Kendiri yang dilaksanakan di KWSP adalah terdiri daripada:

(i) Program Bimbingan
(ii) Program Pementoran
(iii) Program Kaunseling

Program-program ini merupakan teras untuk melahirkan anggota yang mampu berdikari, berhemah, berdedikasi, berdaya saing, profesional dan cemerlang dalam melaksanakan pekerjaan mereka. Selain daripada itu, program ini bertujuan untuk membangun dan memperkasakan keupayaan diri anggota dengan menekankan nilai-nilai kemanusiaan diri dan persekitaran bekerja yang baik.

***CONTINUOUS HUMAN CAPITAL TRANSFORMATION***

***Succession Planning***

*The EPF's Succession Plan is a systematic planning process to identify suitably qualified officers from a talent pool and prepare them to take over critical functions and key positions vacated by their predecessors. The programme is managed and monitored by the Succession Plan Management Committee which is responsible for executing the selection process, determining suitable training and development requirements for the talent pool, as well as evaluating and keeping tabs on the candidates' progress. In 2008, 39 officers were selected as candidates under the first stage of the succession plan programme that was carried out. These candidates were exposed to on-the-job training and development, primarily in the area of leadership, to enable them acquire the required knowledge and skills.*

***Self Empowerment Programme***

*In striving to be a world-class organisation, the EPF has set focus on developing excellent productive corporate citizens. One of our key initiative to attain a high level of excellence throughout the organisation is through the Self Empowerment Programme.*

*The Self Empowerment Programme implemented in EPF are as follows:*

*(i) Coaching Programme*
*(ii) Mentoring Programme*
*(iii) Counselling Programme*

*The programme incorporates core activities which is geared towards producing independent, prudent, dedicated, competitive and excellent staff. The programme also aims to develop and empower staff with emphasis on humanistic values and good working environment.*

Pada tahun 2008, Bimbingan telah diadakan sebanyak 8 sesi dengan melibatkan 212 peserta yang terdiri daripada penyelia-penyelia gred 15 hingga 24. Sementara itu, Program Pementoran pula telah dilaksanakan untuk pegawai gred 25 ke atas yang melibatkan 20 pegawai sebagai "mentor" dan 42 pegawai sebagai "mentee". Di bawah program kaunseling pula seramai 56 Pegawai Pembimbing telah dilantik di jabatan-jabatan dan mempunyai peranan memberi perkhidmatan khidmat nasihat terutama kepada anggota yang bermasalah dari segi prestasi di semua Jabatan dan Cawangan. Kesemua 56 Pegawai Pembimbing ini telah diberi latihan amalan kaunseling melalui program pensijilan kaunseling.

### Tinjauan Indeks Kepuasan Anggota KWSP 2008

Tinjauan Indeks Kepuasan Anggota KWSP ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas dari semua anggota berkenaan tahap kepuasan bekerja di KWSP mengikut komponen yang ditetapkan bagi membolehkan organisasi merangka program pembaikan.

Tinjauan ini memberi tumpuan kepada enam komponen Indeks Kepuasan Anggota iaitu:

(i) Kualiti Kerja dan Persekitaran
(ii) Perkhidmatan Sumber
(iii) Keberkesanan Pengurusan, Penyeliaan dan Maklumat
(iv) Hubungan Sesama Anggota Bagi Gred Yang Sama
(v) Peluang Kerjaya
(vi) Perancangan Jangka Panjang Pengurusan Bagi Pencapaian Objektif Organisasi

Tinjauan ini adalah yang pertama kali di KWSP dan dibuat secara dalam talian. Sebanyak 4,360 anggota atau 82 peratus daripada keseluruhan anggota telah memberi maklum balas terhadap tinjauan Indeks Kepuasan Anggota KWSP 2008. Secara keseluruhannya, tahap kepuasan anggota adalah baik iaitu pencapaian 77.18 peratus. Program ini akan diteruskan untuk tahun-tahun yang akan datang sebagai sebahagian daripada maklum balas dari anggota bagi membantu penyediaan program-program pembaikan untuk meningkatkan modal insan.

### Penilaian Kerja

Penilaian kerja untuk menentukan struktur gaji dan gred jawatan telah dilaksanakan pada Ogos 2008 dan cadangan struktur gaji baru ini telah disiapkan pada awal 2009.

Kajian semula struktur gaji anggota secara keseluruhan ini mengambil kira keadaan semasa dan keupayaan untuk berdaya saing.

*In 2008, 212 participants comprising grade 15 to grade 24 supervisors attended 8 coaching sessions during the year, while the mentoring component for officers in grade 25 and above, 20 officers as mentors and 42 other officers as "mentees" participated in the programme. 56 facilitating officers under the Counselling component were appointed within various departments to function as helpers, especially for staff with performance problems at the department and branch-levels. All 56 Facilitating Officers underwent a certified counselling practice training programme prior to this.*

### *EPF Staff Satisfaction Index Survey 2008*

*A Staff Satisfaction Index Survey was undertaken to gather feedback from all staff as to their job satisfaction levels.*

*The survey was focused on six components of the Staff Satisfaction Index:*

*(i) Job and Workplace Quality*
*(ii) Human Resource Service*
*(iii) Management, Supervisory and Information Effectiveness*
*(iv) Relationship amongst Staff within the Same Grade*
*(v) Career Opportunities*
*(vi) Management Long-term Planning for the Achievement of Organisation Objectives*

*This is the first Staff Satisfaction Index Survey done in EPF and was carried out via online. A total of 4,360 staff or 82 percent of the overall staff provided their feedback resulting in a relatively favourable staff members' satisfaction level of 77.18 percent. The review will continue to be carried out in the coming years to provide input for future human capital improvement programmes.*

### *Job Evaluation*

*Job evaluation exercise to determine salary and grade structure was conducted in August 2008 and the new salary structure proposal was finalised in early 2009.*

*The review of the overall staff salary structure, will take into consideration the current economic situation and EPF staff competitiveness.*

# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## INISIATIF TRANSFORMASI
## *TRANSFORMATION INITIATIVES*

**Penambahbaikan SMSM (Sistem Maklumat Sumber Manusia)**
SMSM telah mula digunakan pada awal tahun 2000. Di antara objektif SMSM ialah membangunkan maklumat sumber manusia yang bersepadu supaya dapat membuat perancangan tenaga manusia dan mentadbir hal ehwal sumber manusia dengan lebih berkesan.

Setakat ini, sebanyak 5 modul telah dilaksanakan seperti berikut:
- **eProfil**
- **ePengambilan**
- **eCuti**
- **ePrestasi**
- **eGaji**
- **Pengurusan Kehadiran**

**PENAMBAHBAIKAN SALURAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**
Secara keseluruhannya, interaksi pelanggan di saluran-saluran perkhidmatan KWSP tahun 2008 berbanding 2007 menunjukkan penurunan 10 peratus terutamanya panggilan diterima dan pelawat kaunter. Bagaimanapun saluran-saluran elektronik yang utama iaitu Kiosk, myEPF dan i-Akaun menunjukkan peningkatan penggunaan yang ketara.

**Perkhidmatan Kaunter**
Secara perbandingan, kaunter masih lagi saluran yang paling popular dengan 41 peratus atau 6.8 juta daripada 16.7 juta pelanggan bagi tahun 2008 masih memilih kaunter sebagai saluran perkhidmatan berbanding saluran-saluran utama yang lain.

**myEPF**
Penggunaan saluran laman web myEPF telah meningkat sebanyak 37 peratus pada tahun 2008 iaitu sejumlah 3.71 juta pelawat dicatatkan berbanding 3.05 juta pada tahun 2007. Jumlah keahlian baru bagi ahli i-Akaun telah meningkat sebanyak 23 peratus iaitu sejumlah 0.29 juta berbanding 0.23 juta pada tahun 2007. Jumlah keahlian baru bagi majikan pula telah meningkat sebanyak 64 peratus iaitu sejumlah 3,200 pada tahun 2008 berbanding 1,900 pada tahun 2007.

**Perkhidmatan Menerusi Saluran Kios Pintar**
KWSP menyediakan perkhidmatan layan diri menerusi Kios Pintar bagi memberi kemudahan kepada ahli untuk mencetak Penyata Kira-Kira dengan menggunakan MyKad. Kios Pintar ini disediakan di Pejabat KWSP dan premis lain seperti Institut Jantung Negara (IJN), RHB Bank, RHB Islamic Bank, Ambank,

***Human Resource Information System Improvements***
*The Human Resource Information System (HRIS) was first adopted in early 2000. It serves as an integrated human resource information system that facilitates more effective human resource planning and administration through automating the human resource management operations process amidst a paperless environment.*

*To date, five new modules have been implemented as follows:*
- ***eProfile***
- ***eRecruiting***
- ***eLeave***
- ***ePerformance***
- ***eSalary***
- ***Absence Management***

***IMPROVEMENTS TO SERVICE DELIVERY CHANNELS***
*Overall customer interactions via the EPF service channels showed a 10 percent decrease in 2008 compared to 2007, particularly for calls received and counter visits. Electronic service channels such as the EPF Smart Kiosks, myEPF website and i-Account personalised online account, showed a significant increase in usage.*

***Counter Service***
*The EPF's counter service remained the most popular delivery channel with 41 percent or 6.8 million of 16.7 million customers preferring to use counter services for their dealings in comparison to alternative channels.*

***myEPF***
*Members' use of the myEPF website increased by 37 percent or 3.71 million visitors in 2008 compared to 3.05 million visitors in 2007. Total new membership of i-Akaun for members, increased by 23 percent, which is 0.29 million in 2007. Total new membership for employers increased by 64 percent, total of 3,200 in 2008 compared to 1,900 in year 2007.*

***Smart Kiosk***
*The Smart Kiosk is a self-service channel that provides members the convenience of printing their account statements using their MyKad. To date, Smart Kiosks are found at EPF offices and at the premises of organisations such as the National Heart Institute, RHB Bank, RHB Islamic Bank, Ambank, CIMB Bank, Citibank and Public Bank. In 2008, the number of Smart Kiosks at premises other than the EPF's offices increased to 55 kiosks in comparison to just 11 kiosks*

CIMB Bank, Citibank dan Public Bank. Pada tahun 2008, jumlah Kios Pintar di premis lain telah meningkat kepada 55 unit berbanding hanya 11 unit yang disediakan pada tahun 2007. Penggunaan bagi mencetak Penyata Kira-Kira di semua Pejabat KWSP pula meningkat sebanyak 23 peratus iaitu sebanyak 3.93 juta pada tahun 2008 berbanding 3.2 juta pada tahun sebelumnya.

**Perbankan Internet**

Pada tahun 2008, sebanyak 1,794 majikan telah membayar caruman KWSP melalui perbankan internet. Ini merupakan penurunan sebanyak 38.33 peratus berbanding dengan 2,909 majikan pada tahun 2007.

**Pusat Pengurusan Panggilan (PPP)**

Jumlah panggilan diterima tahun 2008 menurun sebanyak 65 peratus berbanding tahun 2007 disebabkan isu-isu berkaitan pertukaran sistem teras KWSP dan kes-kes pengeluaran tertunggak telah berjaya diatasi. Jumlah panggilan dijawab tahun 2008 meningkat 17 peratus berbanding tahun 2007 kerana jumlah ejen menjawab panggilan telah bertambah.

**Komunikasi Dengan Pelanggan**

Komunikasi berterusan kepada pelanggan memastikan maklumat-maklumat penting dan terkini mengenai KWSP dimaklumkan untuk pengetahuan umum. Pada tahun 2008 KWSP telah mengadakan sebanyak 32 sesi temu ramah dengan pihak media cetak dan media elektronik. Sebanyak 37 siaran akhbar, 88 artikel dan beberapa siaran iklan telah dikeluarkan melalui akhbar tempatan. Sejumlah 17 program taklimat kepada pemegang kepentingan telah diadakan sepanjang tahun 2008. Sementara itu, program komunikasi pelanggan juga diteruskan dengan penerbitan 6 Berita KWSP, 6 Buletin Kualiti dan 2 Buletin Ahli.

*in 2007. Meanwhile, printing requests for statements of accounts at all EPF offices increased by 23 percent or 3.93 million requests in 2008, compared to 3.2 million requests the year before.*

***Internet Banking***

*In 2008, 1,794 employers paid their EPF contributions through internet banking channels. This marked a decrease of 38.33 percent in relation to 2,909 employers employing this platform in 2007.*

***Call Management Centre***

*The number of customer calls received in 2008 dropped by 65 percent over 2007's number of calls, primarily as a result of the successful resolution of issues relating to the EPF's new core system and outstanding withdrawal cases. The number of calls answered in 2008 jumped by 17 percent over 2007's figure due to an increase in the number of call agents answering these calls.*

***Stakeholder Engagement***

*The EPF is committed to engaging with all our stakeholders so as to ensure key and up-to-date information on the EPF is disseminated to them. In 2008, we conducted 32 interview sessions with print and electronic media and a total of 17 briefing sessions with other stakeholders. In addition, 37 press releases, 88 articles and ad insertions were carried by the local dailies. We continued to roll out our customer communications throughout the year using various platforms including the publication of 6 Berita KWSP newsletters, 6 Buletin Kualiti and 2 Buletin Ahli.*



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## INISIATIF TANGGUNGJAWAB KORPORAT
## *CORPORATE RESPONSIBILITY INITIATIVES*

Pada tahun 2008, KWSP meneruskan komitmen untuk mempertingkatkan kesejahteraan di kalangan masyarakat dengan melaksanakan beberapa inisiatif tanggungjawab korporat yang ditumpukan kepada pendidikan.

### KERUSI ANUGERAH KESELAMATAN SOSIAL

Bagi menggambarkan komitmen kami terhadap penyelidikan akademik dan rumusan dasar yang menggalakkan keselamatan sosial pada usia tua, KWSP telah mewujudkan Kerusi Anugerah Keselamatan Sosial yang pertama di negara ini di Universiti Malaya. KWSP akan menyediakan jumlah permulaan sebanyak RM2.5 juta yang akan digunakan untuk merumus dasar kerajaan berkaitan jaminan kewangan pada usia tua secara berkesan. Ini akan dapat memanfaatkan rakyat Malaysia dan juga masyarakat antarabangsa di rantau lain.

Penjawat Kerusi Keselamatan Sosial ini akan bertanggungjawab melakukan penyelidikan dasar secara ekstensif mengenai subjek berkenaan, menerbitkan rencana berasaskan penemuan penyelidikan, menyelia siswazah sarjana, menganjurkan seminar dan kuliah umum serta menjadi sumber rujukan utama bagi isu-isu KWSP berhubung perlindungan kewangan pada usia tua.

*In 2008, the EPF continued its commitment to elevating the well-being of members of society through implementing corporate responsibility initiatives that focused on education.*

### *SOCIAL SECURITY ENDOWED CHAIR*

*To reflect our commitment to academic research and the formulation of policy promoting social security at old age, we have created the nation's first Social Security Endowed Chair at the University of Malaya. The initial sum of RM2.5 million we have pledged will go towards the formulation of effective government policies relating to financial security at old age for the benefit of Malaysians and others in the region.*

*The holder of the Social Security Chair will be responsible for extensive policy research on the subject, publishing articles based on research findings, supervising post-graduates, organising seminars and public lectures, as well as being a key source of reference for the EPF for issues pertaining to old age financial protection.*



**BIASISWA PELAJAR CEMERLANG KWSP 2008**

Pada 2008, KWSP telah memperluaskan tawaran biasiswa pelajar cemerlang bukan sahaja kepada pelajar-pelajar cemerlang di peringkat Ijazah Sarjana Muda luar negara, tetapi juga kepada pelajar pra-universiti untuk pengajian di dalam Negara. Bidang-bidang pengajian yang ditawarkan adalah Ekonomi, Pelaburan, Kewangan, Sains Aktuari dan Analisis Kuantitatif.

Setakat ini, pelajar yang ditaja di bawah Biasiswa Pelajar Cemerlang KWSP adalah seramai lapan orang. Enam orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti-universiti terkemuka di Australia dan dua orang pelajar di peringkat Pra Universiti di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan. Dua orang pelajar yang menuntut di United Kingdom sebelum ini, telah pun tamat pengajian dan kini berkhidmat di KWSP.

**INISIATIF PENDIDIKAN LAIN**

Sebagai sokongan terhadap usaha Kerajaan menyediakan pengalaman kerja kepada siswazah menganggur, KWSP telah memilih 45 orang siswazah di bawah program Skim Latihan Siswazah (SLS). Selain itu, KWSP telah meneruskan usaha mendidik ahli dengan menganjurkan 26 buah bengkel kesedaran perancangan persaraan yang melibatkan seramai 1,400 orang peserta di beberapa lokasi di seluruh negara.

***EXCELLENT STUDENT SCHOLARSHIP PROGRAMME***

*In 2008, EPF expanded the Excellent Student Scholarship to cover not only overseas Bachelor's Degree Students but also pre-university students studying in the local universities. The areas of study are Economics, Financial Investment, Actuarial Science and Quantitative Analysis.*

*Of the eight students awarded scholarships in 2008, six are pursuing Bachelor's degree at prominent universities in Australia, while two are doing their pre-university studies at local Institutions of higher learning. Two students who have completed their studies in the United Kingdom are currently working with EPF.*

***OTHER EDUCATION INITIATIVES***

*In support of the Government's effort to provide relevant working experience for unemployed graduates, 45 graduates were selected under the Skim Latihan Siswazah (SLS) programme. EPF also continued its efforts to educate members by organising 26 retirement planning awareness workshops involving 1,040 participants at different locations throughout the country.*



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## INISIATIF KUALITI
## *QUALITY INITIATIVES*

### INISIATIF KUALITI

Dalam menuju matlamat menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia, KWSP berusaha gigih melaksanakan amalan bertaraf dunia dan mematuhi piawaian global yang diiktiraf. Pada tahun 2008, KWSP telah mengorak langkah untuk merealisasi wawasan yang telah terbukti melalui kejayaan memperoleh beberapa anugerah kualiti.

### PENSIJILAN MS ISO 9001:2000

Pada 4 April 2008, KWSP telah berjaya memperoleh Pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi empat proses terasnya iaitu proses pendaftaran ahli dan majikan, pengurusan caruman, pengurusan pengeluaran simpanan ahli dan pengurusan barisan hadapan. Selaras dengan usaha untuk mendapatkan pensijilan bagi empat proses teras tersebut, enam proses sokongan turut menyokong ke arah memastikan kejayaan KWSP dalam memperoleh pensijilan itu. Enam proses sokongan tersebut ialah pengurusan sumber manusia, pengurusan latihan, pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan, pengurusan kewangan, pengurusan teknologi maklumat dan pengurusan harta.

Melalui pensijilan ini KWSP juga telah berjaya membangunkan Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan Piawaian MS ISO 9001:2000. Sebagai menepati keperluan piawaian tersebut, KWSP perlu melaksanakan beberapa program penyelenggaraan sepanjang tahun 2008 bagi memastikan pensijilan MS ISO terus dapat dikekalkan.

### *QUALITY INITIATIVES*

*As the EPF journeys towards becoming a world-class organisation, efforts were made to implement world-class practices and comply with recognised global quality standards. In year 2008, the EPF accelerated closer towards realising its vision as the organisation garnered several noteworthy quality awards.*

### *MS ISO 9001:2000 CERTIFICATION*

*April 2008 saw the EPF being awarded the MS ISO 9001:2000 certification for four core process in the areas of members and employers registration; contribution management; withdrawals management; and the front line service management. In line with efforts to attain certification for the four core process, six supporting process also contribute to ensure EPF's success in its bid for the certification. The six supporting process are namely, human resource management; training management; supply, procurement and services management; finance management; IT management and property management.*

*The certification enabled EPF to successfully develop the Quality Management System based on the MS ISO 9001:2000 Standard. To comply with the Standard's requirement, EPF need to implement various programmes in 2008 to ensure the MS ISO certification are maintained.*

**PENSIJILAN ISO/IEC 27001**

Perlindungan data dan tahap kerahsiaan ahli KWSP kekal menjadi agenda utama KWSP. Hasil dari usaha gigih KWSP dalam melaksanakan piawaian antarabangsa yang ketat bagi keselamatan pengurusan maklumat, KWSP telah dianugerahkan pensijilan ISO/IEC 27001. Sebagai sebuah organisasi berfokus pelanggan yang mempunyai lebih 12 juta ahli dan dana berjumlah RM346 bilion, KWSP akan terus melengkapkan infrastruktur yang diperlukan serta mengambil langkah yang amat berhemat bagi memastikan supaya data dan tahap kerahsiaan ahli sentiasa dilindungi.

**ANUGERAH KUALITI KETUA SETIAUSAHA NEGARA 2008**

Dalam tahun 2008 KWSP telah menambah satu lagi pengiktirafan dalam senarai anugerah yang pernah dimenanginya. Pada 27 November 2008 KWSP telah memenangi Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Negara iaitu tempat kedua dalam pertandingan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008. Tujuan KWSP menyertai pertandingan ini adalah bagi menanda aras perkhidmatannya selaras dengan visi KWSP untuk menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial yang terkemuka di dunia dan agensi Kerajaan yang terbaik di Malaysia.

***ISO/IEC 27001 CERTIFICATION***

*The protection of our members' data and confidentiality remains at the top of the EPF's agenda. Efforts in implementing stringent international standards in information management security, were rewarded with the ISO/IEC 27001 certification for the Information Security Management System. As a customer-focused organisation with almost 12 million members and RM346 billion in funds, EPF will continue to put in place the necessary infrastructure and undertake stringent measures to ensure members' data and confidentiality is always protected.*

***2008 CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT QUALITY AWARD***

*In 2008, EPF added another award to the list of awards. EPF's commitment in exhibiting world-class quality standards as a public sector organisation resulted in coming in second place in the 2008 Prime Minister's Quality Awards competition and being awarded the 2008 Chief Secretary to the Government Quality Award on 27 November 2008. EPF's main objective in competing is to benchmark its services in line with EPF's vision to be a leading social security organisation in the world and the best government agency in Malaysia.*



# ULASAN OPERASI
## REVIEW OF OPERATIONS

## PERISTIWA PENTING SELEPAS TAHUN KEWANGAN
## *KEY EVENTS AFTER THE FINANCIAL YEAR*

### PEMBAHARUAN PENSIJILAN MS ISO 9001:2000

KWSP telah berjaya mengekalkan pensijilan ini bagi tahun kedua pada 27 Februari 2009 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. badan yang bertanggungjawab memberikan pensijilan MS ISO 9001:2000. Sebagai langkah ke hadapan, KWSP akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan supaya ia mematuhi sewajarnya kepada piawaian MS ISO 9001:2000 dengan tujuan untuk mendapatkan pembaharuan pensijilan setiap tahun.

### PENGISYTIHARAN DIVIDEN BAGI TAHUN 2008

Pada bulan Mac 2009, Lembaga Pengarah KWSP telah mengisytiharkan dividen sebanyak 4.50 peratus bagi tahun 2008 daripada pendapatan bersih berjumlah RM14.29 bilion. Dividen ini telah dikreditkan ke dalam akaun ahli pada 23 Mac 2009.

### *RENEWAL OF MS ISO 9001:2000 CERTIFICATION*

*On 27 February 2009, the EPF successfully secured the MS ISO 9001:2000 certification for the second consecutive year from SIRIM QAS International Sdn Bhd, the approving authority for the MS ISO 9001:2000 certification. Going forward, the EPF will go all out to ensure proper compliance with the MS ISO 9001:2000 standards with a view to getting the certification renewed annually.*

### *DECLARATION OF DIVIDEND FOR 2008*

*In March 2009, the EPF Board declared a dividend of 4.50 percent for 2008 on a net income of RM14.29 billion. Dividends were credited to members' accounts on 23 March 2009.*





## PENGHARGAAN
## *ACKNOWLEDGEMENTS*

Saya bagi pihak Pengurusan KWSP dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Panel Pelaburan kerana memberi nasihat dan pandangan bernas yang telah membolehkan kami melaksanakan tanggungjawab kami dengan berkesan. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada seluruh kakitangan KWSP kerana usaha gigih dan dedikasi dalam menjalankan tugas masing-masing. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada seluruh ahli KWSP, majikan serta wakil media atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan dan agensi-agensi kerajaan yang lain atas sokongan dan kerjasama yang diberi bagi membolehkan kami menjalankan tanggungjawab kami dengan lebih cekap dan berkesan. KWSP berharap semoga semua pihak akan memberikan sokongan berterusan dalam usaha kami ke arah kecemerlangan.

*On behalf of the EPF's Management, I wish to thank the Chairman and all Members of the Board and Investment Panel for their wise counsel and insights which have enabled us to execute our responsibilities effectively. My utmost appreciation goes to all EPF staff for their tireless efforts and dedication to their jobs. I also wish to convey my sincere thanks to all EPF members and employers as well as members of the media for their worthy support and cooperation.*

*Last but not least, I would like to convey my sincere gratitude to the Ministry of Finance and other government agencies for their steadfast support and cooperation which has enabled us to execute our responsibilities in an effective and efficient manner. The EPF looks forward to your continuing support as we continue forward on our journey to excellence.*



**AZLAN ZAINOL**
Ketua Pegawai Eksekutif/*Chief Executive Officer*